

Pengenalan kepada bahasa HTML

Apa itu HTML

HTML ialah singkatan dari **Hyper Text Markup Language**. HTML merupakan bahasa (kod-kod) yang digunakan untuk membuat laman web. HTML bukanlah bahasa pengaturcaraan seperti C, C++ atau Pascal, ia lebih kepada bahasa yang menetapkan corak paparan dokumen. Jika anda menggunakan **Internet Explorer** atau **Netscape Navigator** anda boleh melihat kod-kod laman ini dengan mengklik butang kanan tetikus anda dan pilih menu **View Source**.

Bagaimana menulis Bahasa HTML?

Bahasa HTML ini ditulis dengan menggunakan teks editor seperti Windows Notepad, Ms-Edit, dan fail di simpan menggunakan sambungan .htm ataupun .html. Browser HTML seperti Internet Explorer atau Netscape Navigator pula akan menterjemahkan kod-kod html dan membuat paparan seperti apa yang telah dikodkan.

Anda juga boleh membuat laman web dengan menggunakan HTML WYSIWYG Editor seperti Netscape Composer, Ms-Word 97 ataupun Microsoft FrontPage. Walaubagaimanapun, terdapat kelebihan serta kekurangan jika anda menggunakan HTML Editor yang disebutkan. Salah satu cara yang biasa digunakan oleh para profesional ialah dengan menggunakan HTML Editor WYSIWYG untuk membuat laman-laman mereka, dan apabila mereka perlukan sifat-sifat yang tidak boleh dibuat oleh HTML Editor mereka, maka mereka akan mengedit laman tersebut dengan menggunakan Windows Notepad.

Mengapa anda perlu belajar HTML?

Walaupun pada zaman yang canggih ini terdapat banyak Editor HTML WYSIWYG seperti Microsoft FrontPage, Netscape Composer dan Microsoft Word 97, adakalanya terdapat beberapa keadaan yang tidak boleh dielakkan berlaku. Masalah-masalah yang kerap berlaku seperti imej tidak kelihatan, jalinan yang mengarah ke arah lain dan beberapa masalah lagi akan dilakukan oleh HTML Editor anda sendiri. Lebih malang lagi, kadangkala masalah ini berlaku setelah anda memuat-naikkan laman-laman anda ke Internet.

Jadi, untuk menyelesaikan masalah-masalah ini, anda memerlukan sedikit sebanyak pengetahuan mengenai bahasa HTML. Apa yang dilakukan sebenarnya oleh Microsoft FrontPage atau Netscape Composer ialah

menuliskan kod-kod HTML untuk anda. Coraknya sama jika anda menulisnya kod secara terus dengan menggunakan Windows Notepad.

Disamping itu ada juga HTML Editor yang tidak optimum, ia menulis kod-kod yang tidak perlu secara berlebihan dan memungkinkan fail HTML anda menjadi terlalu besar, mengambil masa yang lama untuk di muat-turunkan. Sebagai contoh, Microsoft Word menggunakan tag secara berlebihan dimana kesan yang sama boleh didapati tanpa menggunakan tag

Anda juga boleh bergerak selangkah jauh ke hadapan daripada orang lain. Ini kerana, apabila syarikat-syarikat pengeluar browser html seperti Microsoft atau Netscape mengeluarkan browser HTML versi terbaru, tidak ada HTML Editor yang dibekalkan bersama. Yang ada hanyalah kod-kod html terbaru dan jika anda tidak tahu menggunakan kod-kod HTML ini maka anda pasti akan ketinggalan dan terpaksa menunggu HTML Editor versi terbaru yang mungkin mengambil masa beberapa bulan untuk dikeluarkan



WYSIWYG adalah singkatan dari What You See is What You Get. Ia bermaksud apa yang anda lihat di skrin komputer melalui HTML Editor anda akan kelihatan serupa dengan outputnya seperti cetakan di kertas atau browser internet (IE dan NS).



Tidak ada bezanya fail-fail yang menggunakan akhiran .htm dengan akhiran .html. Ini kerana pada Windows 3.1 akhiran fail telah ditetapkan sebanyak 3 huruf sahaja, maka akhiran .htm digunakan. Manakala pada Windows 95, akhiran fail boleh ditetapkan lebih dari 3 huruf. Oleh sebab itu Microsoft lebih suka menggunakan akhiran .html untuk menggunakan kelebihan yang ditawarkan oleh Windows 95.



Apabila IE 5 dikeluarkan pada akhir tahun 1998 para pengaturcara di Microsoft masih belum lagi membuat HTML Editor khas untuk Internet Explorer 5, semasa tutorial ini ditulis mereka belum lagi mengeluarkan HTML Editor untuk IE 5.

Persediaan

- Untuk mengikuti tutorial ini, anda hanya memerlukan teks editor seperti Windows Notepad dan browser HTML seperti Internet

Explorer. Perlu diingatkan disini bahawa Microsoft Word dan WordPad bukanlah teks editor yang asli, beberapa penambahan yang tidak kelihatan telah dilakukan kepada fail jenis **doc** dan **wri**.

- Anda juga perlu membuat satu direktori baru di dalam cakera keras komputer anda. Di dalam direktori ini anda akan simpan fail-fail html serta fail imej anda.
- Anda juga perlu tahu cara untuk menggunakan Windows Notepad dengan berkesan. Pengetahuan mengenai Cut and Paste amat berguna ketika anda mengikuti tutorial ini.



Seelok-eloknya anda mempunyai 3 browser HTML. Internet Explorer 3, Internet Explorer 4 dan Netscape Navigator 4. Ini bertujuan supaya anda dapat mencuba laman ujian anda pada 3 browser yang berlainan. Jika anda mahu lihat senarai browser yang ada di dunia ini, anda bolehlah pergi ke laman web browsers.evolt.org.



Anda tidak perlu membuat talian ke Internet ketika membuat laman web, memadai dengan hanya menyediakan laman-laman web tersebut di komputer anda. Dan kemudian memuat-naikkan laman tersebut ke komputer hos web anda.

Sedikit sebanyak mengenai Internet

Tapak Web

Sebelum anda memulakan tutorial ini, ada baiknya anda memiliki tapak web dahulu. Tapak web ini anda boleh perolehi daripada ISP (Internet Service Provider, seperti TMnet, Jaring) anda dengan bayaran beberapa ringgit setahun, ataupun anda boleh milikinya secara percuma daripada hos-hos tapak web seperti **Geocities**, **Tripod**, **Xoom**.

Mereka memberi anda beberapa megabait ruang cakera keras untuk laman web anda. Walaubagaimana pun saya mencadangkan anda memilih tapak web di Geocities. Ini kerana hos ini mempunyai banyak sumber-sumber serta program-program menarik yang dikhaskan untuk ahli-ahlinya. Untuk mencari tapak web di Geocities, sila pergi ke laman ini. Ia akan menerangkan secara mendalam tentang bagaimana hendak mencari tapak web di Geocities.

Tapak web ini perlu kerana ia membolehkan orang lain melihat laman web anda. Ia sebenarnya satu ruangan cakera keras di Komputer Pelayan hos tapak web. Komputer Pelayan ini akan beroperasi selama 24 jam membolehkan orang lain melihat laman web anda bila-bila yang mereka mahu. Kos operasi seperti kuasa elektrik dan talian telefon ditanggung sendiri oleh syarikat hos tapak web.

Alamat Web Anda

Hos tapak web akan memberi alamat internet untuk tapak web anda, sebagai contoh

- (i) <http://www.geocities.com/SiliconValley/Vista/2459/>
- (ii) <http://members.xoom.com/cobzan/>
- (iii) <http://www.tripod.com/~ali/>

alamat-alamat ini merupakan satu bahagian daripada ruang cakera keras di komputer mereka. Sebagaimana anda membuat direktori serta menyimpan fail di komputer anda, anda juga boleh melakukan perkara yang sama untuk ruangan anda di komputer hos tapak web. Cuma bezanya, anda simpan dahulu fail-fail html di dalam cakera keras anda, kemudian baru anda pindahkan fail-fail di dalam cakera keras anda ke dalam ruangan anda di komputer hos tapak web. Sebagai contoh jika anda menyimpan fail index.htm di dalam ruangan akaun anda maka untuk mengakses fail tersebut anda taip,

<http://www.tripod.com/~ali/index.htm>

Alamat web ini boleh dibahagikan kepada 4 bahagian.

1. protokol
2. nama komputer hos web
3. direktori
4. nama fail


protokol server direktori fail html
 | | | |
 └───┬──────────┬──────────┬──────────┬──────────┘
 http://www.geocities.com/SiliconValley/Vista/2459/index.html

Naik atau turun?

Untuk memindahkan fail anda ke dalam komputer hos tapak web, anda memerlukan perisian ftp (File Transfer Protocol). Protokol Ftp membolehkan komputer yang berlainan sistem (Unix/Linux, Windows, System 7) memindahkan fail antara satu sama lain. Fail html adalah bersifat universal kerana fail ini boleh dibaca oleh mana-mana sistem komputer. Pada kebiasaannya komputer hos tapak web menggunakan sistem Unix, ini kerana sistem ini membolehkan ribuan pengguna berkongsi cakera keras yang sama tanpa apa-apa masalah pencerobohan fail-fail peribadi. Sebab itu anda diberi kod login dan kata laluan, supaya fail-fail html anda tidak diubah oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Proses pemindahan fail-fail dari komputer anda ke komputer hos tapak web ini dinamakan proses muat naik. Manakala proses pemindahan fail-fail dari komputer hos tapak web ke komputer anda atau komputer pengunjung laman web anda dinamakan proses muat-turun. Jangkamasa pemindahan fail bergantung kepada keupayaan modem anda.

Sebenarnya ketika anda melihat laman-laman web di Internet, apa yang anda lakukan ialah memuat-turunkan fail-fail html serta fail imej dan fail tersebut disimpan di komputer anda. Kemudian browser html anda akan membaca fail-fail tersebut dari komputer anda sendiri. Setiap browser html membuat direktori yang dinamakan **cache**. Semua fail-fail html yang hendak dibaca akan di simpan di dalam direktori tersebut dan disimpan buat sementara waktu. Sebab itu jika anda pergi ke laman web sesiapa buat kali kedua, maka html browser anda tidak perlu memuat-turunkan lagi fail tersebut dari Internet. Ia cuma membaca fail tersebut dari cakera keras komputer anda sendiri. lebih cepat.



Proses pemindahan ini bergantung kepada kelajuan talian serta jenis modem yang digunakan. Modem terdapat dalam beberapa jenis, 14400 bps, 28800 bps, 33600 bps, 56600 bps dan 115200 bps. Nilai ini dalam bentuk bit sesaat. Jika anda mahu tahu nilai ini dalam bentuk masa, anda bolehlah menggunakan formula ini. masa=nilai kelajuan modem / 8192.



Perhatikan masa muat-turun di bawah, bayangkanlah berapa lama pengunjung harus menunggu untuk melihat laman anda jika saiz fail itu lebih 100Kb. Ini termasuk gambar-gambar yang anda letakkan di dalam laman anda. Disamping itu komputer pengunjung tidak semestinya mencapai kelajuan diatas. Bergantung kepada trafik Internet, selalunya lagi lambat.

Jenis modem (bit sesaat)	Kbyte sesaat	Anggaran masa muat turun untuk fail bersaiz 30kb
14400bps	1.75	17.1 saat

28800bps	3.51	8.5 saat
36600bps	4.46	6.6 saat
56600bps	7.20	4.1 saat

JAVA

Java ialah bahasa pengaturcaraan komputer yang telah dihasilkan oleh Sun MicroSystem. Java ialah bahasa pengaturcaraan selepas C++. Ia berfungsi untuk mencanggihkan lagi laman web anda. Salah satu kegunaan yang paling biasa dilakukan oleh pereka-pereka laman web ialah untuk mengubah imej kepada imej lain apabila tetikus digerakkan di atas imej asal. Anda sudah pasti pernah melihat laman web sebegini. Sebagai contoh, sila gerakkan tetikus anda diatas ikon-ikon di atas.

Terdapat 2 jenis JAVA.

Pertama, JavaScript. JavaScript ini aktif bersama-sama dengan kod-kod html anda. Seperti yang saya katakan tadi, JavaScript berfungsi untuk mencanggihkan laman anda. Sebagai contoh, anda sudah pasti telah melihat laman-laman web yang mempunyai bebutang menu yang akan berubah apabila penunjuk tetikus digerakkan di atasnya. Kesan khas ini dibuat menggunakan JavaScript.

Oleh kerana Microsoft Corporation tidak mahu ketinggalan dalam hal ini, maka Microsoft telah membuat script versi mereka, yang dipanggil Jscript. Jscript dan JavaScript secara umum adalah serupa tetapi tidak sama. Ini kerana sikap Microsoft sendiri yang tidak mahu mengikut standard yang telah ditetapkan oleh Sun MicroSystem. Saya pasti anda pernah melihat "JavaScript Error" apabila ke laman-laman tertentu. Ini adalah kerana browser yang digunakan tidak sesuai dengan JavaScript yang dimasukkan di laman tersebut. JavaScript ini ditulis seperti mana kod-kod html ditulis.

Kedua, JavaApplet. JavaApplet ini berfungsi untuk membuat applikasi laman web, applikasi ini di panggil applet. Jika anda pernah ke laman web www.kualalumpur98.com anda sudah pasti berhadapan dengan applet menu mereka. Applet-applet ini dihasilkan dengan menggunakan kompiler JAVA. Sesudah sesuatu JAVA applet dibuat, anda perlu meletakkan kod-kod html yang digunakan untuk memanggil applet tersebut.

Lakaran laman web

Konsep laman web

Sebelum anda mula membina laman web, anda harus fikirkan konsep laman web anda. Fikirkan tentang

- maklumat yang anda hendak masukkan.
- imej yang hendak anda letakkan.

Ketika ini anda haruslah mengumpulkan imej-imej yang hendak anda letakkan di dalam laman web anda. Letakkan fail-fail imej tersebut di dalam direktori khas sekali dengan fail-fail html anda. Pastikan nama fail-fail tersebut dalam huruf kecil, ada sebab yang tertentu yang menyebabkan saya berkata demikian. Sebabnya akan diterangkan kemudian nanti.

Faktor-faktor yang harus diambil kira

Anda juga perlu tahu jenis-jenis pengunjung yang bakal melawat laman anda nanti. Untuk mendapat bilangan pengunjung yang maksimum, anda perlu mengambilkira faktor-faktor di bawah.

- **Browser HTML pengunjung**

Terdapat berpuluh-puluh browser HTML di dunia ini, dan tidak semestinya hanya Internet Explorer dan Netscape Navigator. Selain dari itu browser-browser ini tidak serupa antara satu sama lain. Corak paparan laman anda mungkin tidak serupa jika menggunakan browser-browser berlainan, sesetengah browser menawarkan fungsi-fungsi khas yang kemungkinan besar tidak akan disokong oleh browser lain. Anda harus peka dengan keadaan sebegini. Jika anda mahu lihat senarai browser, sila ke laman <http://www.browsers.evolt.org>.



Terdapat sesetengah laman yang memaksa pengunjung berubah kepada browser Internet Explorer hanya untuk melihat laman tersebut. Ini sudah pasti menyinggung perasaan pengunjung

laman tersebut jika mereka menggunakan browser yang berlainan dan sudah pasti mereka tidak akan ke laman tersebut lagi.

- **Saiz Skrin pengunjung**

Anda juga harus peka dengan keadaan ini, tidak semestinya semua orang menggunakan sistem komputer yang sama dengan komputer anda di rumah. Saiz skrin juga berbeza. Terdapat saiz skrin 1024x768, 800x600, 640x480. Ada orang berpendapat baik membuat laman web berdasarkan saiz skrin 640x480, tidak kurang juga yang mereka berdasarkan saiz skrin 800x600. Ia bergantung kepada kehendak anda sendiri.



Ada juga pereka laman web membuat 3 versi laman untuk tapak web mereka. Mereka menggunakan JAVAApplet yang boleh mengenalpasti saiz skrin yang digunakan pengunjung dan seterusnya membawa pengunjung ke laman yang sesuai.

- **Bahasa**

Terdapat juga keadaan dimana anda mahu membuat 2 versi bahasa. Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Ini juga bertujuan supaya anda tidak kehilangan pengunjung yang tidak tahu berbahasa Malaysia.

- **Kelajuan Talian**

Ini sangat penting kerana jika anda mahu laman anda dilihat oleh kebanyakan orang, anda haruslah mengambilkira saiz fail laman anda supaya ianya munasabah.


Jika anda mahu semua jenis pengunjung pergi ke laman anda, maka anda haruslah menulis kod-kod html yang boleh diterima oleh kesemua browser HTML yang ada di pasaran. Sekiranya anda merasakan perlunya kod-kod istimewa untuk sesetengah browser, anda bolehlah mengenalpasti browser HTML dengan menggunakan JavaScript dan membawa pengunjung ke laman yang sesuai.

Lakaran laman web

Melakar dahulu

Sebelum anda mula mengekod, anda patut melakar dahulu apa yang ada di dalam fikiran anda di atas sehelai kertas. Lakaran ini penting kerana ia akan menjimatkan masa anda kelak.

Anda harus pastikan jumlah laman yang anda perlukan serta isi-isi di dalam sesebuah laman.



Kod-kod asas html

Potong dan tampal

Untuk menggunakan tutorial ini dengan berkesan anda harus tahu cara untuk menggunakan fungsi Cut and Paste. Kod-kod html yang dipaparkan di tutorial ini boleh dipindahkan secara terus ke laman HTML anda.

Sebagai contoh. Semasa anda melihat laman ini, aktifkan Windows Notepad. Kemudian pilih(select) perenggan ini. Tekan Ctrl-C (copy). Kemudian letakkan kursor di windows notepad, dan tekan Ctrl-V (paste). Kemudian anda simpan fail tersebut di dalam direktori khas yang anda telah buat.

Format fail html

Fail html mempunyai 2 bahagian iaitu kepala (head) dan badan (body). Bahagian kepala mempunyai maklumat-maklumat mengenai laman tersebut, sebagai contoh, tajuk laman. Bahagian badan pula berfungsi untuk memaparkan isi kandungan laman web tersebut.

Kod-kod asas.

dokumen html yang **paling** ringkas


```
<html>
<head></head>
<body>
Ini adalah laman pertama saya.
</body>
</html>
```

Kod-kod html terdiri daripada tag-tag. Setiap yang terkandung dalam huruf '<' dan huruf '>' dinamakan tag. Tag ini tidak akan dipaparkan oleh browser html anda sebaliknya, ia akan diterjemahkan sebagai corak paparan. Di dalam contoh pertama, anda telah dikenalkan dengan

tag <html>,
tag <head> dan
tag <body>.

Tag-tag tersebut mempunyai pembuka dan penutup, iaitu <html>...</html>, <head>...</head> dan <body>...</body>.

Pembuka dan penutup ini perlu kerana ia akan mendefinisikan **kawasan** yang mempunyai corak tersebut. Perhatikan juga bahawa penutup tag mempunyai tanda '/' sebelum nama tag tersebut.



Sekarang

- Anda buat pilihan pada kod-kod contoh di atas.
- Tekan Ctrl-C
- Aktifkan tettingkap notepad anda.
- Tekan Ctrl-V
- Klik menu *File-Save*
- Pindah ke direktori khas anda.
- Pada ruangan *File-Type*. Pilih *All-Files* (tujuan memilih All-Files ialah untuk memastikan jenis fail yang akan disimpan adalah dalam jenis HTML)
- Taip index.htm
- Klik *Save*.
- **Lihat CONTOH, KLIK DI SINI**

Pada tettingkap Windows-Explorer atau File Manager anda. Dwi-Klik fail index.htm anda tadi, dan lihat fail index.htm yang telah dibuat.

PERHATIAN

Pada sesetengah sistem Windows98 dan Windows 2000, walaupun anda memilih jenis fail All_Files ketika menyimpan fail menggunakan Windows Notepad, besar kemungkinan fail tersebut masih dalam format TEXT. Untuk menyelesaikan masalah ini, anda perlu menukar konfigurasi Windows 98 anda.

Corak pemformatan teks

Untuk memformatkan teks dalam bentuk italic atau bold anda ikuti contoh di bawah.

```
<html>
<head></head>
<body>
<i>Ini adalah laman pertama saya.</i><br>
<b>Ini adalah laman pertama saya.</b>
</body>
</html>
```

Edit fail index.htm tadi menjadi seperti ini. Jika anda pengguna Internet Explorer, boleh klik menu *View-Source* dan secara automatik tettingkap Notepad akan keluar dengan kod-kod html asal tadi. Walaubagaimanapun, jika anda pengguna Netscape Navigator, anda boleh buka tettingkap Notepad dan klik menu *File-Open*, pilih *All-files*, dan dwi-klik fail index.htm.

Ubah seperti kod di atas dan *Save*. Untuk melihat kesan ubahan itu, pada tettingkap browser html anda klik *refresh*. Untuk memudahkan anda mengikuti tutorial ini, biarkan tettingkap browser anda dan tettingkap notepad anda aktif sepanjang waktu..

Tag *<i>* ialah tag untuk menjadikan huruf-huruf di lingkungan tag *<i>...</i>* sebagai corak *italic*. Jika anda ubah tag *<i>* menjadi ** maka huruf-huruf akan dipaparkan dalam bentuk **bold**. Tag *
* pula bertujuan untuk menulis ke baris seterusnya.

Kegunaan tag <head>

Tag *<head>* digunakan bilamana anda hendak meletakkan maklumat untuk laman anda. Perhatikan kod di bawah.

```
<html>
<head><title>Laman pertama saya</title></head>
<body>
<i>Ini adalah laman pertama saya.</i><br>
<b>Ini adalah laman pertama saya.</b>
</body>
</html>
```

Jika anda lihat laman ini anda akan lihat ayat "laman pertama saya" berada di baris tajuk browser tersebut. Inilah gunanya tag *<head>*, untuk menyimpan maklumat tentang laman anda.

Latarbelakang berwarna

Untuk menjadikan latar belakang anda berwarna anda boleh edit kod-kod sebelumnya menjadi begini. Seperti biasa *Save* dahulu, kemudian baru tekan butang *Refresh*.

```
<html>
<head></head>
<body bgcolor="#00FF00">
<i>Ini adalah laman pertama saya.</i>
</body>
</html>
```

Perkataan *bgcolor* diletakkan di dalam tag dan ia mempunyai nilai **#00FF00**. Nilai ini adalah kod warna hijau. *Bgcolor* adalah sifat untuk memformatkan latar belakang laman. Terdapat banyak lagi sifat yang anda boleh lihat kemudian nanti.

Teks berwarna

Setakat ini anda hanya melihat teks yang berwarna hitam. Apa jadi kalau latar belakang tersebut berwarna hitam. Teks tidak kelihatan. Jadi, untuk mengatasi masalah ini, anda boleh menukar warna teks tersebut.

```
<html>
<head></head>
<body bgcolor="#000000" text="#FFFFFF">
<i>Ini adalah laman pertama saya.</i>
</body>
</html>
```

Sekarang laman anda sudah ada 2 sifat iaitu *bgcolor* dan *text*.

Latarbelakang bergambar

Untuk menjadikan latarbelakang laman bergambar. Yang pertama sekali anda cari fail-fail imej yang mempunyai akhiran gif. Letakkan fail imej tersebut di dalam direktori khas anda. Pastikan nama fail imej tersebut berhuruf kecil, tukar jika perlu.

```
<html>
```

```
<head></head>
<body bgcolor="#000000" text="#FFFFFF" background="imej.gif">
<i>Ini adalah laman pertama saya.</i>
</body>
</html>
```

Pada browser, anda akan lihat gambar tersebut di ulang-ulang memenuhi skrin. Jika anda lihat pada kod-kod di atas, saya menggunakan huruf kecil untuk nama imej tersebut. Ada sebabnya, akan diterangkan kemudian.



Pemilihan warna latar belakang amat penting dalam pembikinan laman web. Pilih latarbelakang yang memudahkan pengunjung membaca teks.

Imej dalam html

Imej

Penggunaan imej merupakan salah satu cara untuk mencantikkan homepage anda dan ianya merupakan elemen terpenting dalam penyediaan homepage. Terdapat dua jenis fail imej yang dibolehkan penggunaannya dalam homepage anda.

- Format JPEG atau JPG
- Format GIF

Fail-fail imej jenis ini adalah jenis yang telah dimampatkan, iaitu saiznya telah dikecilkan dengan cara pemampatan yang telah ditetapkan oleh jenis fail tersebut.


Sebagai contoh, jika sesuatu fail imej jenis BMP (bitmap) mempunyai saiz 70 Kbyte, dan kemudiannya anda telah menukar jenis fail imej tersebut kepada jenis GIF, berkemungkinan fail imej jenis GIF tersebut akan mempunyai saiz 20 Kbyte tanpa kehilangan kualiti imej asal. Saya katakan berkemungkinan, kerana ia bergantung kepada kandungan gambar fail imej tersebut dalam proses pemampatan.

Fail jenis ini digunakan kerana ia boleh digunakan pada mana-mana sistem, sama ada Windows, Unix/Linux atau Macintosh.

Sebagai pengetahuan, Internet Explorer boleh menyokong paparan imej jenis BMP atau PNG. Tetapi format jenis ini tidak disokong oleh Netscape atau pun Mosaic.

Imej dan piksel

Fail-fail imej terdiri dari titik-titik yang sangat halus dinamakan piksel. Sebagai contoh, lihat gambar disket kecil di bawah. Sebenarnya ia merupakan gabungan titik-titik kecil bersegiempat membentuk imej yang kita mahukan.



Konsep piksel ini amat penting, kerana kita boleh menetapkan saiz imej kita kepada bentuk yang kita kehendaki. Piksel ini boleh digambarkan sebagai

cara mengukur kelebaran serta ketinggian imej kita menggantikan nilai ukuran inci ataupun sentimeter. Gambar di atas boleh disebut bersaiz 32 piksel (lebar) x 32 piksel (tinggi).

Format JPG atau JPEG

Format JPG ialah format dimana pemampatannya akan meninggalkan penelitian sesuatu imej. Imej yang telah dimampatkan dengan menggunakan cara pemampatan ini akan kelihatan kabur sedikit (tidak kelihatan pada mata kasar). Kesan kabur ini adalah kekal. Penggunaan format JPG adalah baik untuk imej gambar foto. Jika anda menggunakan imej yang kebanyakannya berdasarkan garisan, adalah baik jika anda menggunakan format GIF.

Format GIF

Format GIF ada dalam 2 jenis, iaitu GIF87 dan GIF89a. Corak pemampatan GIF87 dan GIF89a adalah sama, cuma GIF89a membolehkan pengguna membuat latarbelakang lutsinar. Terdapat juga jenis animated GIF yang membolehkan anda membuat animasi pada halaman homepage anda. Animated GIF ini sama dengan jenis GIF89a atau GIF87 tetapi, dalam fail ini terkandung beberapa lapisan gambar, dan HTML browser pengunjung akan mempamerkan lapisan ini satu demi satu untuk menunjukkan animasi (seumpama filem). Contoh-contoh perisian khas yang digunakan untuk membuat animated gif seperti Gif Animator dan Animagic. Anda boleh mencari perisian-perisian ini di www.download.com.

Format gif ini juga terdiri dari jenis **Interlaced** dan **NonInterlaced**. Jenis **Interlaced** ialah format dimana gambar yang akan dipaparkan secara kabur dan kemudiannya penelitan akan dilakukan keatas gambar tersebut. Jenis **Non-Interlaced** pula ialah dimana gambar itu akan dipaparkan secara barisan iaitu dari atas ke bawah.

Contoh format GIF Interlaced dan non-Interlaced



format Interlaced



format Non-Interlaced

Contoh format GIF lutsinar


Untuk imej berformatkan jenis GIF, anda boleh membuat warna latarbelakang imej tersebut lutsinar. Lihat contoh di bawah.



Untuk membuat kesan lutsinar ini, anda perlukan perisian seperti **Webimage** (boleh didapati di www.download.com) ataupun **Microsoft Photo Editor**. Malangnya format JPG/JPEG tidak menyokong fungsi sebegini.

Pemilihan format yang sesuai.

Dalam pemilihan format imej, anda haruslah menggunakan format imej yang sesuai untuk imej anda. Format **GIF** sesuai untuk imej yang berdasarkan garisan (gambarajah). Manakala format **JPEG** sesuai untuk imej yang berdasarkan foto. Jika menggunakan format yang tidak sesuai, besar kemungkinan saiz fail anda menjadi semakin besar dan tidak mencapai fungsi sebenarnya iaitu untuk mengecilkan saiz fail imej.



sesuai untuk format GIF



sesuai untuk format JPG/JPEG

Imej

Untuk meletakkan imej, tag `img` digunakan berserta sifat `src` di dalamnya. Tag ini tidak akan berfungsi jika, sifat `src` tidak disertakan sekali. Seperti cara untuk meletakkan latarbelakang bergambar, anda juga perlu meletakkan fail imej tersebut di dalam direktori khas anda. Pastikan juga nama fail tersebut berhuruf kecil.

```
<html>
<head></head>
<body bgcolor="#00FF00">
  
</body>
</html>
```

Fail html anda akan memanggil fail imej tersebut dan meletakkannya di kawasan yang anda telah tetapkan. Jika anda perhatikan tag `` tersebut, tidak ada penutup tag disertakan. Ini bukan kesilapan yang saya lakukan tetapi tag `` memang tidak memerlukan tag penutup ``. Apabila anda cuma meletakkan nama fail imej sahaja, browser html akan membuat andaian yang fail imej tersebut berada di lokasi sekali dengan fail html pemanggil.

Terdapat sifat-sifat yang boleh anda masukkan pada tag `` supaya ia berfungsi dengan lebih baik.

Sifat height dan width

Jika anda mahu mengubah saiz imej tersebut, anda boleh letakkan sifat `height`(tinggi) dan sifat `width`(lebar). Anda lihat kod di bawah.

```
<html>
<head></head>
```

```
<body bgcolor="#00FF00">
  
</body>
</html>
```

Nilai `30` dan `60` bermaksud gambar tersebut akan disaizkan semula kepada tinggi 30 piksel dan lebar 60 piksel.



Imej yang sama dimana nilai untuk sifat `width` dibesarkan

Sifat alt (paparan alternatif)

Sifat ini akan memaparkan paparan alternatif untuk imej anda jika pengguna mematikan fungsi Autoload Image. Paparan ini adalah dalam bentuk teks.

```
<html>
<head></head>
<body bgcolor="#FFFFFF">
  
</body>
</html>
```

Sebagai contoh,



Disamping itu, penggunaan sifat `alternate` juga akan memberikan mengeluarkan semacam maklumat tentang gambar tersebut.



Penjajaran Imej

Penjajaran imej ialah untuk menetapkan posisi imej anda ke kiri, kanan atau tengah. Ia dilakukan dengan menggunakan sifat `align`.

```
<html>
<head></head>
<body bgcolor="#FFFFFF">
  
</body>
</html>
```

terdapat 8 nilai yang boleh diberikan kepada sifat `align`.

- left
- right
- top
- bottom
- textop
- middle
- absmiddle
- baseline
- absbottom

Anda bolehlah membuat eksperimen ke atas nilai-nilai di atas.

Sempadan lutsinar

Sifat `vspace` dan `hspace` digunakan sebagai sempadan lutsinar. Nilai untuk lebar sempadan melintang(`vspace`) dan menegak(`hspace`) adalah dalam bentuk piksel.

```
<html>
<head></head>
<body bgcolor="#FFFFFF">
  
</body>
</html>
```



Imej ini menggunakan sifat `hspace=20` dan `vspace=20`

Masalah Imej

Ramai yang masih keliru dengan penggunaan tag `` ini. Mereka ini hanya menggunakan Netscape Composer atau Microsoft FrontPage untuk membuat laman web tanpa pengetahuan yang lengkap tentang bahasa HTML. Dan apabila berlaku sesuatu yang tidak difahami, sebagai contoh, paparan gambar tidak ada, barulah mereka sedar yang betapa pentingnya pengetahuan tentang bahasa HTML ini.

Fail HTML sebenarnya hanya berfungsi untuk memanggil fail-fail imej yang anda telah sediakan. Fail imej ini tidak disimpan bersama dengan fail html anda, ia adalah satu fail yang berasingan. Jika anda mahu memindahkan lokasi fail-fail html anda, anda perlu juga memindahkan fail-fail imej anda sekali.

Masalah Pertama

Kebiasaan masalah yang selalu berlaku tentang imej ialah gambarajah yang dikehendaki tidak kelihatan pada skrin komputer. Masalah ini boleh diperbaiki dengan sedikit pengetahuan tentang html.

Sebagai contoh sila lihat gambarajah di bawah. Ia menunjukkan bahawa terdapat 3 fail iaitu *myfile.htm* (fail html), *comp.gif* (fail imej) dan *light.gif* (fail imej). Fail *myfile.htm* ini akan menentukan lokasi kedudukan imej tersebut. Manakala browser anda akan mencari fail imej ini mengikut apa yang anda tulis di sifat ``.



Perihal lokasi, Lokasi imej memainkan peranan penting dalam penggunaan tag imej. Terdapat 3 jenis lokasi yang boleh anda gunakan. Sebagai contoh

Untuk imej yang berada pada direktori yang sama dengan fail html pemanggil

```

```

Untuk imej yang berada di mana-mana lokasi di Internet

```

```

Untuk imej yang terkandung pada direktori komputer pengunjung

```

```

Perhatian, bahawa pada kebiasaannya jika anda menggunakan Netscape Composer, Microsoft FrontPage, Microsoft Word 97, perisian ini akan mencari fail itu dan membuatkan jalinan itu seperti ini,

```

```

atau

```

```

Malangnya jika anda memuat-naikkan laman anda, paparan imej itu mungkin ada pada komputer anda tetapi tidak pada komputer orang lain kerana tidak semestinya komputer mereka mempunyai fail imej.gif pada pemacu disk d:\downloads\image... Penyelesaian, oleh itu sebaik-baiknya anda menyimpan kesemua fail-fail html dan gif/jpg anda dalam satu folder/direktori, dan pada setiap tag `img src=...`, anda cuma letakkan nama fail imejnya sahaja.

Masalah Kedua

Akan tetapi anda telah pun mengikuti arahan-arahan di atas, fail sudah berada dalam satu folder dan anda telahpun memuat-naikkan fail imej beserta fail html anda, tetapi anda tidak berupaya membuat laman anda memaparkan gambar. Mengapa ya...???

Masalah ini boleh diperbaiki dengan menggunakan huruf kecil untuk setiap nama fail-fail html atau nama fail gambar anda, dan pada tag `` anda buat begini.

Memanglah pada komputer anda gambar-gambar boleh dipaparkan kerana sistem yang anda gunakan tidak membezakan huruf kecil dengan huruf besar, (Windows 3.1, Windows 95). Tetapi sistem yang digunakan oleh komputer pelayan Geocities(**sistem Unix**) yang mengandungi fail-fail anda di geocities **MEMBEZAKAN** antara huruf kecil dan huruf besar. Senarai nama di bawah mungkin tidak dibezakan oleh sistem komputer anda, tetapi kesemua nama-nama ini dibezakan oleh komputer pelayan Geocities.

Imej.JPG
imej.JPG
Imej.JPEG
Imej.jpg
imej.jpg
iMej.JPG
imEJ.Jpg
imej.JpG

Anda seharusnya berhati-hati kerana nama-nama untuk setiap fail ini **boleh berubah secara automatik** semasa proses muat-naik laman anda. Sebab itu pada laman muat-naik di Geocities, anda mempunyai pilihan untuk menukar kesemua nama fail dengan huruf kecil semasa proses muat-naik berjalan.

Masalah Ketiga

Anda telah berupaya menyelesaikan masalah pertama dan kedua, tetapi fail imej anda masih juga tidak kelihatan. Kenapa?!?!?! Ini kerana fail imej anda telah ROSAK, atau lain dari bentuk yang dikehendaki iaitu GIF dan JPEG/JPG. Anda terpaksa mengganti fail imej yang telah rosak dengan fail yang tidak rosak.

Jalanan laman.

Jalanan (hyperlink)

Jalanan memainkan peranan penting dalam pembinaan hompej, dengan menggunakan jalanan, pengunjung hompej boleh bergerak dari satu laman ke satu laman yang lain dengan mudah. Anda boleh menjadikan imej, perkataan/ayat atau **combo box** sebagai jalanan. Anda juga boleh membuatkan jalanan itu **melompat** ke mana-mana lokasi di dalam dokumen html atau ke satu lokasi di laman html yang lain. Tag yang diperlukan untuk jalanan ialah tag **<a>**.

Penggunaan tag <a>

Tag ini diberi nama sauh (atau dalam bahasa Inggerisnya, **anchor**). Tag ini mempunyai pengakhiran ****. Tag sauh ini tidak akan berfungsi jika anda tidak menyertakan sifat href pada tag tersebut. Simpan fail berikut sebagai jalanan.htm di dalam direktori khas anda.

```
<html>
<head></head>
<body>
  <a href="index.htm">ke laman index</a>
</body>
</html>
```

Apabila anda buka fail tersebut dengan menggunakan browser html, anda akan lihat ayat tersebut di gariskan, serta berwarna biru. Ini dilakukan oleh browser html anda untuk menandakan bahawa ayat itu bila diklik akan membawa anda ke laman lain. Nilai untuk sifat href (href bermaksud hyperlink reference, rujukan jalanan) ialah alamat laman web yang anda hendak jalinankan. Contoh alamat yang anda boleh berikan.

- "<http://www.geocities.com>" (ke laman html di internet)

- "index.htm" (fail *index.htm* yang berada di dalam direktori sama dengan direktori html pemanggil)
- "peribadi/saya.htm" (fail *saya.htm* yang berada di dalam direktori peribadi (direktori peribadi berada di dalam direktori khas anda)).

Perhatikan juga bahawa nama fail ini saya taip dengan huruf kecil. Sebabnya sama dengan penggunaan tag dalam html. Salah satu masalah yang sering berlaku semasa pengguna tag <a> ini ialah lupa untuk meletakkan tanda " dan " .

Imej sebagai jalanan

Untuk menjadikan gambar sebagai jalanan, anda masukkan tag di antara tag <a>... Sebagai contoh.

```
<html>
<head></head>
<body>
  <a href="index.htm"></a>
</body>
</html>
```

Oleh kerana jika anda menjadikan teks sebagai jalanan, maka ia akan digariskan. Maka apabila anda menjadikan imej sebagai jalanan maka satu sempadan biru akan dibuat untuk menandakan imej tersebut adalah jalanan. Untuk menghilangkan sempadan biru itu, maka sifat border=0 di letakkan di dalam tag .

Jalanan ke lokasi (di dalam laman yang sama)

Untuk mengarahkan jalanan ke lokasi di dalam laman itu sendiri maka **penanda** diperlukan pada lokasi yang hendak diarah. Penandaan itu dibuat dengan mengenakan sifat **name** pada tag **<a>**. Sebagai contoh, pada lokasi yang hendak ditanda, kita tulis tag seperti ini (ini bertindak sebagai penanda).

```
<a name="atassekali"></a>
```

dan pada jalanan yang anda mahu arahkan kepada penanda tersebut, anda letakkan seperti berikut

```
<a href="#atassekali">ke atas semula</a>
```

Sebagai contoh.

```
<html>
<head></head>
<body>
  <a name="atassekali"></a>
  ...
  ...
  ... anda letakkan apa-apa isi di sini
  ...
  ...
  ...
  <a href="#atassekali">ke atas semula</a>
</body>
</html>
```

Jalanan ke lokasi (di dalam laman yang lain)

Untuk mengarahkan jalinan ke lokasi yang tertentu di dalam laman yang lain, maka anda perlu ketahui nama penanda tersebut dan pada jalinan yang hendak dibuat, anda buat seperti begini.

```
<html>
<head></head>
<body>
  <a href="index.htm#cerita">ke penanda cerita di laman index.htm</a>
</body>
</html>
```

Jalanan ke perisian email

Anda juga boleh membuat jalinan yang secara automatik akan membuka perisian e-mail pengunjung seperti Microsoft Outlook, Microsoft Mail, Eudora atau Netscape Mail dengan alamat e-mail anda pada ruang "**penerima**" e-mail tersebut. Ini boleh dilakukan dengan menggunakan contoh di bawah.

```
<html>
<head></head>
<body>
  <a href="mailto:cobra_ayaq@hotmail.com">e-mail saya</a>
</body>
</html>
```

Jalanan yang membuka tettingkap browser baru

Anda boleh membuat jalinan anda secara automatik akan membuka tettingkap browser baru. Sebagai contoh jika anda menggunakan jalinan di bawah dengan secara automatik, browser anda akan membuka tettingkap baru dengan paparan **www.yahoo.com**. Cara ini akan membuatkan laman hompej anda masih lagi wujud pada tettingkap lama.

```
<html>
<head></head>
<body>
  <a href="http://www.yahoo.com" target=_blank>ke yahoo.com</a>
</body>
</html>
```

Perhatikan penambahan sifat **target="_blank"**. Ia digunakan untuk mewujudkan tettingkap baru.

Format teks.

Corak paparan teks

Terdapat banyak cara untuk menukar paparan teks. Formatan teks seperti **bold**, *italic*, subscript, superscript yang biasa anda lakukan dengan menggunakan Microsoft Word atau Word Perfect boleh juga dilakukan dalam dokumen html cuma caranya menggunakan tag-tag tertentu.

<code>....</code>	Teks yang terkandung antara tag akan diboldkan
<code><blink>....</blink></code>	Menjadikan perkataan itu berkelip-kelip. Perhatian!, jika anda mengelipkan keseluruhan ayat, maka ayat itu susah hendak dibaca!. Disamping itu, tag blink ini disokong oleh Netscape Navigator sahaja.
<code><i>....</i></code>	Teks ini akan <i>disendangkan</i> .
<code><sub>....</sub></code>	Teks di dalam lingkungan ini akan di _{subscript} kan.
<code><sup>....</sup></code>	Teks di dalam lingkungan ini akan di ^{superscript} kan.
<code><u>....</u></code>	Teks ini akan <u>digariskan</u> .
<code><cite>....</cite></code> <code><code>....</code></code> <code>....</code> <code><kbd>....</kbd></code> <code><samp>....</samp></code> <code>....</code> <code><var>....</var></code> <code><big>....</big></code> <code><small>....</small></code> <code><tt>....</tt></code>	Kesemua tag-tag ini mempunyai sifat pencorakannya yang tersendiri. Anda bolehlah melihat contoh yang disediakan untuk membezakan sifat-sifatnya.

Tag ``

Jika anda tahu menggunakan Microsoft Word, anda pasti telah berjaya menggunakan fon-fon yang berlainan pada dokumen Word anda. HTML juga boleh menggunakan fon yang berlainan. Caranya ialah dengan penggunaan tag `...`. Tag font ini tidak akan berfungsi tanpa penggunaan sifat **face**.

``
perkataan ini telah ditetapkan fon nya``

Jika anda perhatikan, terdapat 3 nilai untuk sifat face. Ini bermaksud, jika komputer pengunjung itu tidak mempunyai fon Arial, maka browser pengunjung akan mencari fon Times New Roman, jika tiada maka Lucida Sans akan menjadi penggantinya. Kalau ketiga-tiga jenis fon itu tidak ada, maka browser akan menggantinya dengan apa yang patut. Tidak ada had untuk bilangan fon yang boleh diletakkan. Jika anda tidak meletakkan sifat face maka fon yang digunakan ditetapkan oleh konfigurasi komputer pengunjung.

Tag ``

Untuk menjadikan saiz teks lebih besar atau lebih kecil dari biasa. Anda boleh menggunakan sifat **size** pada tag font. Contoh,

``ayat ini bersaiz 4``

Terdapat 1 hingga 7 nilai saiz yang boleh digunakan untuk sifat **size** ini dan nilai 1 merujuk kepada saiz yang paling kecil.

Tag ``

Untuk menjadikan teks berwarna, sifat **color** dikenakan kepada tag ``. Terdapat 256 warna yang boleh digunakan untuk mewarnakan perkataan. Lihat contoh di bawah.

``ayat ini berwarna merah``

Jika anda tidak faham dengan nilai yang diberikan kepada sifat color, sila rujuk topik warna.

Penggabungan sifat-sifat fon

Anda boleh menggabungkan sifat-sifat fon dalam satu tag fon yang sama

```
<font color="#FF0000" size=4 face="arial">ayat</font>
```

Format teks.

Contoh corak paparan teks

Dibawah ini merupakan senarai corak paparan teks yang anda boleh gunakan. Untuk melihat contoh penggunaannya anda boleh klik menu View-Source. Perhatikan! bahawa sebilangan kecil format-format ini tidak disokong oleh browser pengunjung.

teks ini menggunakan format cite
teks ini menggunakan format code
teks ini menggunakan format em
teks ini menggunakan format kbd
teks ini menggunakan format samp
teks ini menggunakan format strong

teks ini menggunakan format center. Apa saja objek boleh di ketengahkan dengan menggunakan format ini

teks ini menggunakan format var
teks ini menggunakan format big
teks ini menggunakan format small
teks ini menggunakan format tt
teks ini menggunakan format b(bold)
teks ini menggunakan format blink (kelip) (hanya untuk Netscape Navigator)
teks ini menggunakan format i(italic)
teks ini menggunakan format sub
teks ini menggunakan format sup
teks ini menggunakan format u(underline)
~~teks ini menggunakan format strike~~

teks ini menggunakan saiz 1

teks ini menggunakan saiz 2
teks ini menggunakan saiz 3
teks ini menggunakan saiz 4
teks ini menggunakan saiz 5
teks ini menggunakan saiz 6
teks ini menggunakan saiz 7

Huruf Istimewa.

Senarai Huruf istimewa

Huruf istimewa ialah huruf-huruf yang tidak ada pada papan kekunci(keyboard) komputer anda. Untuk memaparkan huruf istimewa anda perlu menggunakan cara lain. Huruf-huruf seperti © harus ditaip dengan menggunakan © dan browser pengunjung akan menterjemahkan perkataan © kepada ©. Di bawah merupakan senarai simbol yang boleh digunakan.

Setiap simbol istimewa dimulai dengan & dan diakhiri dengan ;

Á Á
À À
Â Â
Ã Ã
Å Å
Ä Ä
Æ Æ
Ç Ç
É É
È È
Ê Ê
Ë Ë
Ï Í
Ì Ì
Î Î
Ï Ï
Ð Ð
Ñ Ñ
Ó Ó
Ô Ò
Õ Ô
Ö Õ

Ö Ö
 Ø Ø
 Ú Ú
 Ù Ù
 Ũ Û
 Ū Ü
 Ý Ý
 Þ Þ
 &Szig ß
 á á
 à à
 â â
 ã ã
 â å
 ä ä
 æ æ
 ç ç
 é é
 è è
 ê ê
 ë &euuml;
 í í
 ì ì
 î î
 ï ï
 ð ð
 ñ ñ
 ó ó
 ò ò
 ô ô
 õ õ
 ö ö
 ø ø
 ú ú
 ù ù
 ũ û
 ū ü
 ý ý
 þ þ
 ÿ ÿ
 ® ®
 © ©
 ™ ™
 : Ini merupakan ruang kosong(space),
 < <
 > >
 & &

Senarai.

Senarai merupakan salah satu cara yang kemas untuk menyusun infomasi di dalam hompej anda. Untuk membuat senarai seperti di bawah

- Bahasa Pengaturcaraan Logo
- Bahasa Pengaturcaraan Basic
- Bahasa Pengaturcaraan C
- Bahasa Pengaturcaraan C++
- Bahasa Pengaturcaraan JAVA

Untuk melakukan seperti di atas anda boleh menggunakan tag `...`; dan tag `...`. Perhatian!, kedua-dua tag ini berkerjasama untuk menjalankan fungsi seperti di atas. Contoh kod yang diperlukan untuk membuat senarai seperti di atas.

```

<ul>
  <li>Bahasa Pengaturcaraan Logo</li>
  <li>Bahasa Pengaturcaraan Basic</li>
  <li>Bahasa Pengaturcaraan C</li>
  <li>Bahasa Pengaturcaraan C++</li>
  <li>Bahasa Pengaturcaraan JAVA</li>
</ul>
  
```

Anda juga boleh menggantikan titik-titik itu dengan nombor, seperti di bawah. Anda hanya perlu menggantikan tag `` dengan tag ``.

1. Bahasa Pengaturcaraan Logo
2. Bahasa Pengaturcaraan Basic
3. Bahasa Pengaturcaraan C
4. Bahasa Pengaturcaraan C++
5. Bahasa Pengaturcaraan JAVA

Kod yang sama diubahsuai.

```

<ol>
  <li>Bahasa Pengaturcaraan Logo</li>
  <li>Bahasa Pengaturcaraan Basic</li>
  <li>Bahasa Pengaturcaraan C</li>
  <li>Bahasa Pengaturcaraan C++</li>
  <li>Bahasa Pengaturcaraan JAVA</li>
</ol>
  
```

Jika anda mahu menghilangkan titik-titik atau nombor seperti di bawah.

Bahasa Pengaturcaraan Logo
Bahasa Pengaturcaraan Basic
Bahasa Pengaturcaraan C
Bahasa Pengaturcaraan C++
Bahasa Pengaturcaraan JAVA

Kod yang diubahsuai untuk kali kedua, kali ini tag `<dl>` digunakan untuk menggantikan tag `` dan tag `` digantikan dengan tag `<dd>`.

```
<dl>
<dd>Bahasa Pengaturcaraan Logo</dd>
<dd>Bahasa Pengaturcaraan Basic</dd>
<dd>Bahasa Pengaturcaraan C</dd>
<dd>Bahasa Pengaturcaraan C++</dd>
<dd>Bahasa Pengaturcaraan JAVA</dd>
</dl>
```

Senang bukan. disamping itu anda juga boleh meletakkan senarai di dalam senarai. Sebagai contoh,

- Bahasa Pengaturcaraan Logo
 - Senang
 - Mudah
 - Untuk Permulaan
- Bahasa Pengaturcaraan Basic
- Bahasa Pengaturcaraan C
- Bahasa Pengaturcaraan C++
- Bahasa Pengaturcaraan JAVA

```
<ul>
<li>Bahasa Pengaturcaraan Logo</li>
<ul>
<li>Senang</li>
<li>Mudah</li>
<li>Untuk Permulaan</li>
</ul>
<li>Bahasa Pengaturcaraan Basic</li>
<li>Bahasa Pengaturcaraan C</li>
<li>Bahasa Pengaturcaraan C++</li>
<li>Bahasa Pengaturcaraan JAVA</li>
</ul>
```

Format Perenggan.

Perbezaan antara pemformatan perenggan dan pemformatan fon

Perbezaan ketara antara pemformatan perenggan dan pemformatan fon ialah apabila anda menggunakan pemformatan perenggan, ia secara automatik akan bermula pada baris baru sedangkan pemformatan fon tidak akan bermula pada baris baru.

Perenggan

Untuk memformatkan perenggan anda boleh menggunakan tag `<p>...</p>`. Anda letakkan `<p>` pada permulaan perenggan dan `</p>` diakhir perenggan. Browser HTML secara automatik akan menjarakkan perenggan pertama dan kedua, dan perenggan baru akan bermula dengan baris baru. Anda lihat contoh di bawah.

```
<p>
Ini adalah perenggan pertama untuk teks ini.
</p>
```

```
<p>
Ini adalah perenggan kedua untuk teks ini. </p>
```

Untuk menjajarkan perenggan anda ke kiri atau ke kanan, anda boleh menggunakan sifat **align**. Untuk menjajarkan perenggan anda kekiri anda letakkan nilai **left** atau hendak kekanan, letakkan nilai **right**.

```
<p align=left>
Ini adalah perenggan pertama untuk
teks ini, dan ianya dijajarkan ke kiri.
</p>
```

```
<p align=right>
Ini adalah perenggan kedua untuk
teks ini dan ianya dijajarkan ke kanan.
</p>
```

Blockquote

Jika anda menggunakan blockquote pada perenggan anda, maka perenggan anda akan dijajarkan ke kanan. Cara ini sesuai untuk mengecilkan saiz kolom seperti biasa dilakukan di suratkhbar..

`<blockquote>`
Ini adalah perenggan pertama untuk teks ini. Dijajarkan ke kanan sedikit dengan menggunakan tag `blockquote`
`</blockquote>`

`<blockquote><blockquote>`
Ini adalah perenggan kedua untuk teks ini. Dijajarkan ke kanan dua kali dengan menggunakan tag `blockquote`
`</blockquote></blockquote>`

Multicol

Format `multicol` ialah di mana format ini akan membahagikan teks anda kepada beberapa kolom yang ditetapkan dengan menggunakan sifat `cols`. Selain itu terdapat beberapa sifat lain yang berguna ketika menggunakan tag `multicol`.

- **cols** - menentukan jumlah kolom
- **gutter** - menentukan saiz sempadan yang membahagi kolom (dalam piksel)
- **width** - menentukan jumlah lebar keseluruhan teks, boleh dalam bentuk piksel ataupun peratusan.

```
<multicol cols=3 gutter=10 width=100%>  
Sila taip teks di sini.  
</multicol>
```

Format ini hanya disokong oleh Netscape Navigator. Untuk mendapatkan paparan yang serupa dan boleh diterima oleh kebanyakan browser, anda dinasihatkan menggunakan jadual (tag `table`). Walaubagaimanapun, anda boleh melihat contoh-contoh penggunaan perenggan di laman seterusnya

Tajuk Perenggan

Ini merupakan kepala tajuk untuk teks anda. Tag yang digunakan ialah `<h1>...</h1>`. Teks yang terkandung dalam tag ini akan diperbesarkan serta dihitamkan, jadi anda tidak perlu menggunakan tag `` dan `` untuk

mendapatkan paparan yang sama. Terdapat 6 saiz untuk tag `<h..>` iaitu `<h1>`, `<h2>`, `<h3>`, `<h4>`, `<h5>`, `<h6>`. Dengan `<h1>` mempunyai saiz yang terbesar. Sila lihat contoh yang diberikan.

```
<h1>Tajuk Utama untuk Perenggan</h1>  
<p> Teks perenggan.</p>
```

Beberapa corak pemformatan yang lain

Terdapat beberapa lagi pemformatan perenggan yang boleh anda lakukan. Sila lihat jadual di bawah.

<code><xmp>...</xmp></code>	Format <code><xmp></code> ialah format di mana web browser akan menyusun supaya hanya terdapat 80 perkataan dalam satu baris dan setiap huruf mempunyai saiz fon yang seimbang. Format ini amat sesuai jika anda memaparkan fail teks di dalam laman anda.
<code><address>...</address></code>	Untuk jadikan ianya format address. Sila lihat contoh yang diberikan di bahagian bawah.
<code><pre>...</pre></code>	Format ini akan membuatkan anda tidak perlu menulis tag <code>
</code> untuk memulakan baris baru.

Contoh Format.

contoh penggunaan tag `<address>`.

Ahmad Blok Pusat	Hafiz Pendidikan	Wahy, 15/515, Persediaan,
------------------------	-------------------------	---------------------------------

contoh <blockquote>...</blockquote>

Jika pengguna membeli satu perisian dari kedai. Apa yang dibeli oleh pengguna terbabit ialah bukannya dalam bentuk material, sebagai contoh, cd-rom / cakera liut, buku panduan, dan lain-lain, tetapi dalam bentuk lesen penggunaan. Ini bermakna, hanya seorang pengguna dibenarkan menggunakan perisian itu pada satu masa. Cuba kita anggap perlesenan perisian ini sebagai buku. Jika Pengguna A membeli sebuah buku novel, pada satu masa cuma seorang pembaca sahaja boleh membaca buku itu. Tidak ada cara bagi orang lain di tempat yang lain membaca buku tersebut. Sama seperti perisian komputer, Jika pengguna itu mahu menggunakan perisian itu di komputer yang lain untuk tempoh yang tetap, dia terpaksa memadamkan perisian tersebut pada komputer yang asal dan membuat instalasi perisian pada komputer baru yang mahu digunakan olehnya.

Jika pengguna membeli satu perisian dari kedai. Apa yang dibeli oleh pengguna terbabit ialah bukannya dalam bentuk material, sebagai contoh, cd-rom / cakera liut, buku panduan, dan lain-lain, tetapi dalam bentuk lesen penggunaan. Ini bermakna, hanya seorang pengguna dibenarkan menggunakan perisian itu pada satu masa. Cuba kita anggap perlesenan perisian ini sebagai buku. Jika Pengguna A membeli sebuah buku novel, pada satu masa cuma seorang pembaca sahaja boleh membaca buku itu. Tidak ada cara bagi orang lain di tempat yang lain membaca buku tersebut. Sama seperti perisian komputer, Jika pengguna itu mahu menggunakan perisian itu di komputer yang lain untuk tempoh yang tetap, dia terpaksa memadamkan perisian tersebut pada komputer yang asal dan membuat instalasi perisian pada komputer baru yang mahu digunakan olehnya.

contoh <multicol cols=3 gutter=10 width=100%>...</multicol>

NOTA: Sifat ini terhad kepada beberapa browser sahaja! (khas untuk Netscape Navigator) Jika anda pengguna Internet Explorer, besar kemungkinan anda tidak dapat lihat kesan contoh yang dipaparkan ini. Apa yang dibeli oleh pengguna terbabit ialah bukannya dalam bentuk material, sebagai contoh, cd-rom / cakera liut, buku panduan, dan lain-lain, tetapi dalam bentuk lesen penggunaan. Ini bermakna, hanya seorang pengguna dibenarkan menggunakan perisian itu pada satu masa. Cuba kita anggap perlesenan perisian ini sebagai buku. Jika Pengguna A membeli sebuah buku novel, pada satu masa cuma seorang pembaca sahaja boleh membaca buku itu. Tidak ada cara bagi orang lain di tempat yang lain

membaca buku tersebut. Sama seperti perisian komputer, Jika pengguna itu mahu menggunakan perisian itu di komputer yang lain untuk tempoh yang tetap, dia terpaksa memadamkan perisian tersebut pada komputer yang asal dan membuat instalasi perisian pada komputer baru yang mahu digunakan olehnya.

contoh <p>...</p> (perenggan)

Jika pengguna membeli satu perisian dari kedai. Apa yang dibeli oleh pengguna terbabit ialah bukannya dalam bentuk material, sebagai contoh, cd-rom / cakera liut, buku panduan, dan lain-lain, tetapi dalam bentuk lesen penggunaan. Ini bermakna, hanya seorang pengguna dibenarkan menggunakan perisian itu pada satu masa.

Cuba kita anggap perlesenan perisian ini sebagaibuku. Jika Pengguna A membeli sebuah buku novel, pada satu masa cuma seorang pembaca sahaja boleh membaca buku itu. Tidak ada cara bagi orang lain di tempat yang lain membaca buku tersebut. Sama seperti perisian komputer, Jika pengguna itu mahu menggunakan perisian itu di komputer yang lain untuk tempoh yang tetap, dia terpaksa memadamkan perisian tersebut pada komputer yang asal dan membuat instalasi perisian pada komputer baru yang mahu digunakan olehnya.

contoh <hx>...</hx>

Heading 1

Heading 2

Heading 3

Heading 4

Heading 5

Heading 6


Bingkai.

Perihal Bingkai

Penggunaan bingkai adalah salah sebuah cara untuk memaparkan 2 atau 3 halaman hompej serentak. Caranya ialah mempunyai satu fail html yang berfungsi sebagai fail utama yang menetapkan bentuk bingkai yang dikehendaki. Fail utama ini kemudiannya akan memanggil fail-fail html anak dan memasukkan fail-fail tersebut ke dalam bingkai yang telah disediakan.

Tujuan utama penggunaan bingkai memudahkan pengguna bergerak dari satu halaman ke satu halaman yang lain, tetapi penggunaan bingkai juga ada keburukannya. Terdapat beberapa jenis browser yang tidak menyokong penggunaan bingkai. Maka anda sudah kehilangan pengguna yang menggunakan browser seperti ini. Penggunaan bingkai juga menjadikan kawasan anda semakin sempit. Tidak banyak yang boleh dipaparkan pada satu masa. Ini akan menjadi semakin jelas jika pengguna menggunakan resolusi skrin 640x480. **Klik di sini untuk contoh.** Maka, jika anda mahukan penggunaan bingkai pada hompej anda, pastikan juga anda mempunyai halaman-halaman yang tidak menggunakan bingkai.

Pertama sekali anda harus merekabentuk jenis bingkai yang anda mahukan pada hompej anda. Kita akan mulakan dengan contoh yang paling mudah. Bingkai yang hanya mempunyai 2 lajur. Kod yang diperlukan untuk merekabentuk bingkai seperti di sebelah ialah.



```
-----
<html>
<head></head>
<frameset cols="10%,90%">
  <frame src="menu.htm" name="ruanganmenu">
  <frame src="isi1.htm" name="ruanganisi">
</frameset>
</html>
-----
```

nota: simpan fail ini sebagai index.htm

```
-----
<html>
<head></head>
<body>
  menu
  <br>
  <a href="isi1.htm"
target="ruanganisi">mukadepan</a><br>
-----
```



```

  <a href="isi2.htm"
target="ruanganisi">biodata</a><br>
  <a href="isi3.htm"
target="ruanganisi">pantun</a><br>
  <a href="isi4.htm" target="ruanganisi">sajak</a><br>
  <a href="isi5.htm"
target="ruanganisi">peribadi</a><br>
</body>
</html>
-----
```

nota:simpan fail ini sebagai menu.htm

```
-----
<html>
<head><title>Fail isi1.htm</title>
</head>
<body>
Hi.. apa khabar, ini ialah fail isi1.htm.<br>
Jika anda klik pada jalinan di sebelah maka<br>
ruangan ini akan berubah. Perlu diingatkan bahawa<br>
anda perlukan fail isi2.htm, isi3.htm, isi4.htm dan
seterusnya<br>
jika anda mahu klik pada jalinan biodata, pantun, sajak, dan
peribadi.<br>
</body>
</html>
-----
```

nota:simpan fail ini sebagai isi1.htm




Gambarajah menunjukkan dimana laman index.htm berfungsi untuk membahagikan skrin kepada 2 bahagian dan memasukkan fail menu.htm (sebelah kiri) dan main.htm (sebelah kanan). Untuk melihat hasilnya, anda buka fail index.htm dengan menggunakan browser html anda.

Anda boleh klik pada gambar di sebelah untuk melihat apa yang akan anda dapat nanti.

Kita akan bergerak ke bahagian penerangan sekarang.



Penerangan untuk fail index.htm.



```

<html>
<head></head>
<frameset cols="10%,90%">
  <frame src="menu.htm" name="ruanganmenu">
  <frame src="isi1.htm" name="ruanganisi">
</frameset>
</html>

```

nota: simpan fail ini sebagai index.htm

Jika kita lihat fail index.htm di atas. Ia merupakan fail yang berfungsi untuk membahagikan skrin kepada 2 bahagian. Bahagian pertama, yang mempunyai saiz 10% dari saiz skrin, dan dinamakan **ruanganmenu**. Bahagian kedua pula mempunyai saiz 90% dari saiz skrin dan dinamakan **ruanganisi**.

Tag **<body>** tidak diperlukan

Jika kita perhatikan kod di atas, selepas sahaja tag **<head>** terdapat tag **<frame>**. Tag **<body>** tidak diperlukan di dalam fail index.htm ini, kerana index.htm tidak akan memaparkan apa-apa. Ia cuma digunakan untuk menetapkan pembahagian, paparan dilakukan dengan meletakkan fail-fail html lain di ruangannya.

Pembahagian laman dilakukan dengan menggunakan tag **frameset**. Selepas sahaja tag **frameset**, ia disusuli dengan sifat **cols** dan ia mempunyai 2 nilai iaitu 10% dan 90%. Oleh kerana terdapat 2 nilai sifat cols ini, ia bermaksud untuk bahagikan 2 ruang mengikut lajur dimana saiz lajur itu adalah 10% dan 90%. Terdapat berbagai cara lagi untuk membahagikan laman mengikut baris dan lajur. Ia akan dibincangkan kemudian.

Selepas tag ini terdapat tag-tag frame, yang berfungsi untuk menentukan nama serta sifat ruangan-ruangan tersebut. Tag **frame** yang pertama adalah untuk ruangan bersaiz 10% (kerana nilai 10% berada di posisi depan) dan tag frame yang kedua adalah untuk ruangan bersaiz 90%. Ruangan-ruangan ini **dinamakan** (dengan menggunakan sifat **name**) untuk memudahkan kita menukar isinya kelak. Ketika bingkai itu dipaparkan ruangan tersebut akan diisi dengan fail html yang telah ditentukan melalui sifat **src**. Kita boleh mengubah isi kandungan ruangan tersebut dan akan dibincangkan di laman seterusnya.

Penerangan untuk menu.htm.

```
-----
<html>
<head></head>
<body>
  menu
  <br>
  <a href="isi1.htm" target="ruanganisi">mukadepan</a><br>
  <a href="isi2.htm" target="ruanganisi">biodata</a><br>
  <a href="isi3.htm" target="ruanganisi">pantun</a><br>
  <a href="isi4.htm" target="ruanganisi">sajak</a><br>
  <a href="isi5.htm" target="ruanganisi">peribadi</a><br>
</body>
</html>
-----
nota:simpan fail ini sebagai menu.htm
```

Fail ini bertujuan sebagai laman menu untuk tapak web anda. Ruangan menu ini akan sentiasa wujud di skrin. Oleh kerana sekarang skrin sudah terbahagi kepada 2 bahagian dimana bahagian kanan mempunyai majoriti ruangan, maka jika pengunjung klik pada jalinan-jalinan disebelah kiri, seperti biodata, pantun dan sajak. Browser html anda akan mencari fail isi2.htm, isi3.htm, dan isi4.htm dan meletakkannya di ruangan yang telah kita namakan **ruanganisi** (bahagian 90%).

Ini dilakukan dengan setiap jalinan dalam ruangan menu diletakkan sifat **target="ruanganisi"**. Jika sebelum ini, **tanpa penggunaan target, ruangan**

dimana jalinan tersebut berada, yang akan berubah. Kini yang berubah ruangan lain, iaitu ruangan **ruanganisi**.

Tag body perlu ada kerana jalinan-jalinan ini hendak dipaparkan di skrin atau dalam kata lain fail ini berfungsi untuk paparan.

Penerangan untuk isi1.htm.

```
-----
<html>
<head><title>Fail isi1.htm</title>
</head>
<body>
Hi.. apa khabar, ini ialah fail isi1.htm.<br>
Jika anda klik pada jalinan di sebelah maka<br>
ruangan ini akan berubah. Perlu diingatkan bahawa<br>
anda perlukan fail isi2.htm, isi3.htm, isi4.htm dan seterusnya<br>
jika anda mahu klik pada jalinan biodata, pantun, sajak, dan peribadi.<br>
</body>
</html>
-----
nota:simpan fail ini sebagai isi.htm
```


Fail ini akan dimasukkan ke dalam ruangan bersaiz 90%. Fail ini mempunyai sifat-sifat fail html yang biasa.

Jalinan biodata menunding ke arah fail **isi2.htm** tetapi fail **isi2.htm** tidak wujud dalam direktori/folder anda. Oleh itu, anda perlu mereka satu fail html baru, dan namakan fail tersebut **isi2.htm**.

Beberapa jenis bingkai

Terdapat beberapa lagi jenis bingkai yang boleh anda gunakan.

Kita sekarang akan mereka bentuk bingkai yang mempunyai 2 baris. Cara yang sama digunakan untuk merekabentuk bingkai seperti di sebelah, tetapi terdapat beberapa perubahan pada tag **<frameset>**. Kod yang diperlukan untuk merekabentuk bingkai seperti ini ialah..




```

-----
<html>
<head></head>
<frameset rows="10%,90%">
  <frame src="menu.htm"
name="ruanganmenu">
  <frame src="isi1.htm" name="ruanganisi">
</frameset>
</html>
-----

```

Kalau anda perhatikan kod-kod di atas, anda akan dapati bahawa sifat **cols** tadi telah berubah bentuk kepada **rows**. sifat **rows** ini menentukan bahawa nilai **frame** di antara tag **<frameset>** adalah dalam bentuk baris.

Sekarang kita akan bergerak kepada bingkai yang lebih kompleks. Kita akan membuat bingkai seperti di sebelah. Kod yang diperlukan untuk membuat bingkai seperti ini adalah seperti berikut.



```

-----
<html>
<head></head>
<frameset cols="10%,90%">
  <frame src="menu.htm" name="ruanganmenu">
  <frameset rows="10%,90%">
    <frame src="iklan.htm" name="ruanganiklan">
    <frame src="isi1.htm" name="ruanganisi">
  </frameset>
</frameset>
</html>
-----


```

Jika kita perhatikan kod di atas terdapat dua tag **frameset**. Ini adalah perlu kerana pada lajur kedua kita hendakkan ia mempunyai 2 baris. Kembali kepada asas, Baris pertama selepas tag **frameset cols** yang pertama menentukan sumber untuk lajur pertama. Tetapi untuk lajur kedua kita mahukan ia terbahagi kepada 2 baris, maka baris kedua selepas tag

frameset cols yang pertama, kita letakkan satu tag lagi tag **frameset rows** supaya ia dapat membahagikan lajur kedua kepada 2 baris. Senang bukan, kesimpulannya tugas tag **frameset** ialah untuk membahagikan lajur(**cols**) atau baris(**rows**). Manakala tag **frame** pula ialah untuk menentukan sumber fail html pada lajur yang ditetapkan.

Untuk contoh kedua, kita akan membuat bingkai seperti di sebelah.

Bingkai ini adalah sama seperti bingkai di contoh sebelum ini, tetapi jika diperhatikan betul-betul ada kelainannya. Bingkai ini mempunyai 2 baris dan pada baris kedua, ia mempunyai 2 lajur. Kod yang diperlukan adalah seperti berikut:



```

-----
<html>
<head></head>
<frameset rows="10%,90%">
  <frame src="iklan.htm" name="ruanganiklan">
  <frameset cols="10%,90%">
    <frame src="menu.htm" name="ruanganmenu">
    <frame src="isi1.htm" name="ruanganisi">
  </frameset>
</frameset>
</html>
-----

```

Jika anda perhatikan, pada tag **frameset** pertama diletakkan sifat **rows** untuk membahagikan halaman itu kepada 2 baris. Manakala pada tag **frameset** kedua diletakkan sifat **cols** untuk membahagikan baris kedua kepada 2 lajur.

Sifat-sifat bingkai.

Cols dan rows

Untuk nilai **cols** dan **rows** kita boleh letakkan nilai piksel ataupun peratus. Sebagai contoh untuk nilai piksel:

```
<frameset rows=" 150 , * ">
```


Melalui contoh ini kita boleh tetapkan bahawa untuk baris pertama ia akan mempunyai saiz 150 piksel dan baris kedua mempunyai saiz selebihnya dari saiz skrin pengguna.

Sifat-sifat lain

Kita boleh letakkan sifat-sifat lain pada tag **frameset**. Antaranya ialah

- border - nilai untuk saiz sempadan (piksel)(internet explorer)
- frameborder - sempadan wujud atau tidak(**yes** atau **no**)(netscape navigator)
- framespacing - nilai untuk jarak antara lajur dan baris (piksel)

sebagai contoh:

```
<frameset cols=" 140,* " frameborder="no" border="0" framespacing="0">
```

manakala untuk sifat frame pula :

- border - nilai untuk saiz sempadan (piksel)
- scrolling - mengelakkan dari scrolling bar dari kelihatan (internet explorer)
- noresize - mengelakkan dari "scrolling bar" dari kelihatan (netscape)
- marginwidth - nilai untuk jarak antara bingkai dengan sempadan garisan(piksel)
- marginheight - nilai untuk jarak antara bingkai dengan sempadan garisan(piksel)

sebagai contoh:

```
<frame src="menu800.html" name="menuwindow"
border="0" scrolling="no" noresize="noresize"
marginwidth="0" marginheight="0" >
```

Oleh kerana terdapat kelainan antara **Netscape Navigator** dan **Internet Explorer** maka anda dinasihatkan bahawa kesemua sifat-sifat ini harus diletakkan supaya pengguna yang menggunakan **Netscape Navigator** dan **Internet Explorer** dapat melihat kesan yang sama apabila melihat laman anda.

Tag <noframe>

Apa yang berlaku jika pengunjung yang menggunakan browser yang tidak menyokong penggunaan bingkai memasuki laman anda yang memerlukan sokongan bingkai?. Dalam hal ini anda perlu menggunakan tag **<noframe>...</noframe>**. Dengan penggunaan tag ini anda boleh membuat sesuatu jika pengunjung tersilap masuk ke dalam laman berbingkai anda. Sila lihat contoh di bawah.

```
-----
<html>
<head></head>
<frameset rows="10%,90%">
  <frame src="iklan.htm" name="ruanganiklan">
  <frameset cols="10%,90%">
    <frame src="menu.htm" name="ruanganmenu">
    <frame src="isi1.htm" name="ruanganisi">
  </frameset>
</frameset>
```

```
<noframe>
Alamak!, browser anda tidak menyokong penggunaan
bingkai yang diperlukan untuk paparan tapak
web ini. Jangan risau, klik di
<a href="isi1.htm">sini</a> untuk ke
tapak web versi tidak menggunakan bingkai.
</noframe>
```


```
</html>
-----
```

Jika pengguna tersalah masuk ke laman anda, maka nota yang anda berikan akan dipaparkan di skrin yang mengarah pengunjung masuk ke laman yang betul.

Jadual dalam HTML.

Jadual merupakan salah satu element terpenting dalam rekaan hompej. Ia membolehkan pereka merekabentuk hompej yang kemas.

Terdapat istilah-istilah yang akan digunakan dalam tutorial ini. Sila lihat gambarajah di bawah.



Penafsiran jadual adalah berbeza antara satu browser dengan browser yang lain. Tetapi melalui hompej ini, semua tag yang digunakan dalam tutorial ini boleh digunakan oleh mana-mana browser. Anda akan diajar cara membuat jadual dengan bantuan contoh-contoh kod yang telah disediakan. Jika anda sudah bersedia, kita beralih ke contoh pertama.

data di sini
data di sini
data di sini

```

-----
<table border=1>
<tr><td>data di sini</td></tr>
<tr><td>data di sini</td></tr>
<tr><td>data di sini</td></tr>
</table>
-----

```

Pembinaan jadual adalah berdasarkan tag `<table>..</table>` Di dalam lingkungan tag ini, terdapat tag `<tr>...</tr>` yang berfungsi untuk menetapkan baris dan tag `<td>...</td>` yang menetapkan lajur untuk jadual tersebut. Bilangan tag `tr` akan menetapkan bilangan baris pada jadual tersebut manakala bilangan tag `td` akan menetapkan bilangan lajur pada baris tersebut. Sifat `border` pada tag `<table>` akan menentukan saiz garisan sempadan untuk jadual tersebut. Terdapat sifat-sifat lain untuk tag

`<table>..</table>`, `<tr>...</tr>` dan `<td>...</td>` yang akan dipelajari kemudian.



Paparan jadual adalah berbeza dari satu browser ke satu browser yang lain, jadi anda perlu mencuba laman anda pada browser-browser yang berlainan.

Mari kita melangkah jauh sedikit. Apa kata pada kod-kod di atas diubah menjadi seperti dibawah. Perkataan **data di sini** pada baris kedua dikecualikan.

data di sini
data di sini

```

-----
<table border=1>
<tr><td>data di sini</td></tr>
<tr><td></td></tr>
<tr><td>data di sini</td></tr>
</table>
-----

```

Apa yang anda lihat ialah baris kedua hilang. Ini terjadi kerana tiada apa-apa yang diletakkan di antara tag `<td>...</td>` pada tag `<tr>...</tr>` kedua.

Untuk mengatasi perkara ini, anda seharusnya meletakkan **ruang kosong**, ` ` pada tempat tersebut.

data di sini
data di sini

```

-----
<table border=1>
<tr><td>data di sini</td></tr>
<tr><td>&nbsp;</td></tr>
<tr><td>data di sini</td></tr>
</table>
-----

```

Untuk membuat jadual beberapa lajur Kod yang diperlukan ialah...


```

-----
<table border=1>
<tr><td>&nbsp;</td> <td>&nbsp;</td></tr>
<tr><td>&nbsp;</td> <td>&nbsp;</td></tr>

```

```
<tr><td>&nbsp;</td> <td>&nbsp;</td></tr>
</table>
```

Sekarang cuba anda hilangkan salah satu daripada tag <td>...</td> pada baris kedua dan lihat apa akibatnya....

```
<table border=1>
<tr><td>&nbsp;</td> <td>&nbsp;</td></tr>
<tr><td>&nbsp;</td> </tr>
<tr><td>&nbsp;</td> <td>&nbsp;</td></tr>
</table>
```

Penggabungan sel.

Sel-sel baris

```
<table border=1>
<tr><td>&nbsp;</td> <td>&nbsp;</td></tr>
<tr><td colspan=2>&nbsp;</td> </tr>
<tr><td>&nbsp;</td> <td>&nbsp;</td></tr>
</table>
```

Nampaknya lajur pada baris kedua tadi telah digabungkan menjadi satu. Penggabungan ini dilakukan dengan menggunakan sifat **colspan=2** pada tag <td>...</td> yang terletak pada baris kedua. **Nilai** untuk sifat **colspan** ialah nilai untuk jumlah lajur yang hendak digabungkan.

Sel-sel lajur

Untuk menggabungkan sel-sel lajur, ia amat sulit sedikit, tetapi boleh difahami caranya jika diperhatikan dengan teliti.

```
<table border=1>
```

```
<tr><td rowspan=2>&nbsp;</td> <td>&nbsp;</td></tr>
<tr><td>&nbsp;</td></tr>
<tr><td>&nbsp;</td> <td>&nbsp;</td></tr>
</table>
```

Pada **baris** pertama diletakkan sifat **rowspan** pada tag <td> dan jumlah tag <td>...</td> yang ditulis ialah 2. Oleh kerana nilai sifat **rowspan** yang ditulis ialah **2**, maka pada baris kedua, jumlah tag <td>...</td> hanyalah satu kerana penggabungan yang mahu dilakukan ialah pada kotak A^{11} dan A^{21} .

Jika penggabungan ialah pada baris kedua dan ketiga.

```
<table border=1>
<tr><td>&nbsp;</td> <td>&nbsp;</td></tr>
<tr><td rowspan=2>&nbsp;</td> <td>&nbsp;</td></tr>
<tr><td>&nbsp;</td></tr>
</table>
```


Sifat-sifat jadual.

Sifat untuk <table>

Sifat yang anda boleh gunakan untuk memformatkan jadual anda.

- **cellspacing**
Jarak antara sel
- **cellpadding**
Jarak sempadan dengan isi sel
- **border**
Saiz sempadan.
- **bgcolor**
Nilai untuk bgcolor ialah warna latarbelakang untuk jadual yang berkenaan. Sila lihat topik warna untuk mengetahui nilai-nilai yang diberikan kepada sifat ini.

- **align**
digunakan untuk meletakkan jadual anda ketengah, kekiri atau kekanan. Nilai yang diberikan ialah **center**, **right** atau **left**.
- **width**
digunakan untuk menetapkan lebar jadual. Anda boleh gunakan nilai dalam bentuk piksel atau bentuk peratusan.
- **height**
digunakan untuk menetapkan tinggi jadual. Anda boleh gunakan nilai dalam bentuk piksel atau bentuk peratusan. Sifat ini hanya disokong oleh Internet Explorer.



Sifat untuk <tr>

Sifat yang anda boleh gunakan untuk memformatkan baris anda adalah seperti di bawah.

- **align**
Pemasukan sifat **align** ialah untuk memformatkan **data-data**(imej atau teks) di dalam baris anda. Anda boleh meletakkannya ke kiri, ke tengah atau ke kanan sel berdasarkan nilai-nilai yang akan diberikan kepada sifat ini. Nilai-nilai yang diberikan ialah nilai **left**, **center**, atau **right**.
- **valign**
Sifat **valign** mempunyai tugas yang sama seperti sifat **align** cuma ia akan memformatkan data untuk corak formatan ke atas, ke tengah dan ke bawah. Nilai yang diberikan ialah **middle**, **top** atau **bottom**.
- **bgcolor**
Nilai untuk bgcolor ialah warna latarbelakang untuk sel yang berkenaan. Sila lihat topik warna untuk mengetahui nilai-nilai yang diberikan kepada sifat ini.

Sifat untuk <td>

Sifat yang anda boleh gunakan untuk memformatkan lajur anda adalah seperti di bawah.

- **bgcolor**
bgcolor ialah warna latarbelakang untuk sel yang berkenaan. Sila lihat topik warna untuk mengetahui nilai-nilai yang diberikan kepada sifat ini.
- **align**
Pemasukan sifat **align** ialah untuk memformatkan data-data di dalam sel anda. Anda boleh meletakkannya ke kiri, ke tengah atau ke kanan sel berdasarkan nilai-nilai yang akan diberikan kepada sifat ini. . Nilai-nilai yang diberikan ialah nilai **left**, **center**, atau **right**.
- **valign**
Sifat **valign** mempunyai tugas yang sama seperti sifat **align** cuma ia akan memformatkan data untuk corak formatan ke atas, ke tengah dan ke bawah. Nilai yang diberikan ialah **middle**, **top** atau **bottom**.
- **width**
digunakan untuk menetapkan lebar sel. Anda boleh gunakan nilai dalam bentuk piksel atau bentuk peratusan.

Perhatian : jika anda telah menetapkan sifat align atau valign pada tag `<tr>` dan anda juga telah menetapkan sifat align atau valign pada tag `<td>` maka secara tidak langsung ia akan menghapuskan corak pemformatan pada tag `<tr>`.

Jadual di dalam jadual

Untuk membuat jadual di dalam jadual, caranya, diantara tag `<td>...</td>` anda letakkan tag `table` di dalamnya.

Data di dalam jadual B
Data didalam jadual B

Kod yang diperlukan untuk mereka bentuk jadual di atas

```
-----  
<table border=1>  
  <tr>  
    <td>&nbsp;</td>  
  </tr>  
  
  <table border=1>  
    <tr><td>&nbsp;</td></tr>  
    <tr><td>&nbsp;</td></tr>  
  </table>  
  
  </td>  
</tr>  
  
<tr>  
  <td>&nbsp;</td>  
  <td>&nbsp;</td>  
</tr>  
</table>  
-----
```

Borang

Perihal Borang

Penggunaan borang adalah satu cara yang amat sesuai untuk mengambil data-data daripada pengunjung. Kebiasaannya, syarikat-syarikat yang

menjalankan perniagaan melalui Internet akan mengambil butir-butir peribadi pengunjung dan menyimpannya di dalam pangkalan data syarikat tersebut. Ataupun, ada juga syarikat yang menjalankan perniagaan bercorak interaktif di Internet, sebagai contoh Hotmail, Yahoo mail, Rocketmail dan sebagainya.

Untuk memanipulasikan data-data yang diambil dari pengunjung web mereka, Pelayan Web khas diperlukan. Pelayan Web ini telah ditetapkan untuk menjalankan tugas-tugas untuk informasi yang diterima dari pengunjung. Sebagai pengguna **Geocities**, anda tidak dibenarkan untuk membuat interaktif seperti ini. Ini untuk mengelakkan dari adanya ahli-ahli **Geocities** yang melakukan perniagaan berdasarkan Internet. Walaubagaimanapun, **Geocities** telah bermurah hati untuk membekalkan ahlinya dengan khidmat **form posting**. Dengan menggunakan khidmat ini, anda boleh mencipta borang pada laman web anda untuk mengambil maklumat dari pengunjung, ataupun menjalankan kajiselidik dan apabila pengunjung menekan butang **Submit**, maka segala informasi yang anda mahukan dari pengunjung akan diposkan kepada anda melalui e-mel.

Penggunaan borang dilakukan dengan penggunaan tag `<form>...</form>`. Segala yang terkandung di dalam tag `<form>` dan `</form>` akan ditafsirkan sebagai borang.

Untuk membuatkan segala maklumat borang tersebut diposkan kepada e-mel anda maka anda perlu letakkan kod di bawah. **Member name** ialah nama ahli anda(login) di geocities.

```
<form method=post action="/cgi-bin/homestead/mail.pl?member_name">  
...  
...  
...  
...  
</form>
```

Input Box

Ini adalah untuk permulaan yang paling ringkas. **Input Box**, disini anda boleh mengambil butir-butir am daripada pengunjung, sebagai contoh, nama pengunjung tersebut.

Sila masukkan nama anda

Kod yang digunakan untuk memaparkan **Input Box** di atas ialah.

```
<form>
Sila masukkan nama anda
<input type="text" name="first_name" VALUE="Ahmad Hafiz" size="10"
maxlength="15">
</form>
```

Tag yang digunakan ialah tag **<input>**. Tag ini tidak mempunyai penutupnya. Sifat-sifat yang digunakan ialah sifat

- **type**
Disini kita menggunakan nilai "text", terdapat beberapa nilai lagi yang boleh diberikan kepada sifat **type** ini dan akan diterangkan kemudian.
- **name**
Nama perlu diberikan kepada elemen ini supaya pelayan web boleh mengenalpasti elemen-elemen yang hendak diproses.
- **value**
Nilai yang diberikan kepada sifat ini akan dipaparkan.
- **size**
Lebar **Input Box** ini, nilai yang diberikan ialah jumlah huruf yang akan dipaparkan pada satu masa.
- **maxlength**
Maksimum huruf yang dibenarkan untuk input.

Text Area

Jika melalui contoh di atas pengunjung hanya boleh masukkan satu barisan teks sahaja, maka melalui contoh di bawah, pengunjung boleh memasukkan informasi lebih dari satu baris.

Masukkan komen anda di sini:

```
<form method="post" action="/cgi-bin/homestead/mail.pl?member_name">
Masukkan komen anda di sini:<br>
<textarea name="feedback" rows="3" cols="40">
Hai, sila taip komen anda di sini.
```

```
</textarea>
</form>
```

Tag yang digunakan ialah tag **<textarea>...</textarea>**, manakala sifat-sifat yang digunakan ialah sifat.

- **name**
Seperti biasa, setiap elemen perlu dinamakan
- **rows**
Baris yang akan dipaparkan
- **cols**
Lajur yang akan dipaparkan

Check Box

Check box berguna supaya pengunjung boleh memilih pilihan yang telah anda tetapkan. Tag yang digunakan ialah tag **<input>**, tetapi sifat nilai untuk sifat **type** telah ditukar kepada **checkbox**.

- Tapak web saya di geocities
- Ya, saya perlukan bantuan

Kod yang digunakan....

```
<form method="post" action="/cgi-bin/homestead/mail.pl?member_name">
<input type="checkbox" name="tapakweb" checked>Tapak web saya di
geocities<br>
<input type="checkbox" name="bantuan">Ya, saya perlukan bantuan<br>
</form>
```

Sifat-sifat yang digunakan

- **type**
Di sini, nilai **checkbox** digunakan untuk sifat **type**.

- **name**
Seperti biasa nama untuk elemen ini
- **checked**
Ini akan membuatkan pilihan ditandakan awal-awal lagi.

Radio Button

Pilihan seperti ini, membuatkan pengunjung hanya boleh memilih antara satu pilihan-pilihan yang anda telah tetapkan. Tag yang digunakan ialah tag `<input>`, dan untuk sifat **type** pula digunakan nilai **radio**.

Tentukan Jantina: Lelaki Perempuan
 Tentukan Warna: Biru Merah Kuning

Kod yang digunakan

```
-----
<form method="post" action="/cgi-bin/homestead/mail.pl?member_name">
<dl>
<dd>Tentukan Jantina:
  <input type="radio" name="jantina" value="Lelaki" checked>Lelaki
  <input type="radio" name="jantina" value="Perempuan">Perempuan

<dd>Tentukan Warna:
  <input type="radio" name="warna" value="Biru" checked>Biru
  <input type="radio" name="warna" value="Merah">Merah
  <input type="radio" name="warna" value="Kuning">Kuning
</dl>
</form>
-----
```

Combo Box

Jika anda mahukan penggunaan **Combo Box** pada borang anda seperti di bawah, maka anda perlu gunakan tag `<select>...</select>`. Diantara tag

`<select>...</select>` ini diletakkan tag `<option>` untuk meletakkan pilihan-pilihan yang bakal dipilih oleh pengunjung.

Dari mana anda mengetahui laman saya

Kod yang digunakan

```
<form method="post" action="/cgi-bin/homestead/mail.pl?member_name">
Dari mana anda mengetahui laman saya
  <select name="darimana">
    <option value="yahoo" selected>Yahoo
    <option value="altavista">AltaVista
    <option value="webcrawler">WebCrawler
    <option value="excite">Excite
  </select>
</form>
```

Sifat yang digunakan untuk tag **select**

- **name**
Seperti biasa, setiap elemen perlu dinamakan


Sifat yang digunakan untuk tag **option**

- **value**
Nilai untuk elemen **select** apabila pengunjung memilih pilihan-pilihan tersebut
- **selected**
Penggunaan sifat ini, akan membuatkan pilihan ini dipilih awal-awal lagi.

Selection Box

Penggunaan **Selection Box** adalah sama dengan penggunaan **Combo Box**, cuma cara paparannya yang berbeza. Terdapat sedikit penambahan sifat dalam penggunaan Selection Box iaitu memasukkan sifat **multiple** dan sifat **size**. Tiada nilai yang diberikan kepada sifat **multiple** kerana kewujudan sifat

multiple sahaja sudah cukup untuk menukarkan corak paparan daripada **combo box** ke **Selection Box**. Manakala nilai yang diberikan untuk sifat size ialah jumlah baris pilihan yang akan dipaparkan untuk satu masa.



Dari mana anda mengetahui laman saya

Kod yang digunakan

```
<form method="post" action="/cgi-bin/homestead/mail.pl?member_name">
Dari mana anda mengetahui laman saya
<select name="darimana" multiple size=3>
<option value="yahoo" selected>Yahoo
<option value="altavista">AltaVista
<option value="webcrawler">WebCrawler
<option value="excite">Excite
</select>
</form>
```

Button

Ini merupakan elemen yang terpenting sekali, tanpa elemen ini, segala yang anda lakukan hanyalah sia-sia belaka. Terdapat dua jenis butang yang anda boleh gunakan. Pertama butang **submit** dan kedua butang menghantar infomasi di dalam borang anda **reset**. Butang **submit** ini bertujuan untuk kepada e-mail anda manakala butang reset pula akan menghilangkan semua informasi supaya anda boleh mengisinya semula.




Kod yang digunakan

```
<form method="post" action="/cgi-bin/homestead/mail.pl?member_name">
Taip sesuatu di sini
<input type="text"><br>
<input type="reset" value="Isi semula">
```

```
<input type="submit" value="Hantar">
</form>
```

Integrasi dengan Geocities

Setelah selesai semuanya, anda perlu membuat beberapa penambahan untuk borang anda supaya ianya boleh digunakan di geocities. Lihat contoh di bawah.



```
<form action="/cgi-bin/homestead/mail.pl?cobra_ayaq" method="post">
<input type="hidden" name="next-url"
value="/cobra_ayaq/sendcomment.htm">
<input type="hidden" name="subject" value="My Comment">
<p>&nbsp;   </p>
<div align="center"><center><table border="0" width="474">
<tr>
```



```

<td width="133" align="right" valign="top">
<strong><font face="Arial">Your name</font></strong></td>
<td width="329"><font face="Arial">
<input type="text" name="name" size="20"></font></td>
</tr>

<tr>
<td width="133" align="right" valign="top"><strong>
<font face="Arial">Your e-mail</font></strong></td>
<td width="329"><font face="Arial"><input type="text" name="email"
size="20"></font></td>
</tr>

<tr>
<td width="133" align="right" valign="top">
<strong><font face="Arial">Your comment</font></strong></td>
<td width="329"><font face="Arial">
<textarea rows="8" name="comment" cols="34"></textarea></font></td>
</tr>

<tr>
<td width="133" align="right" valign="top"></td>
<td width="329"><font face="Arial">
<input type="submit" value="Submit">
<input type="reset" value="Reset"></font></td>
</tr>

</table>
</center></div>

</form>

```

Jika anda perhatikan contoh di atas, tumpukan perhatian anda pada garis yang berwarna hijau..

```
<form action="/cgi-bin/homestead/mail.pl?cobra_ayaq" method="post">
```

Ini adalah kemestian untuk setiap pemulaan borang. Gantikan dengan kod logिन anda.

```
<input type="hidden" name="next-url"
value="/cobra_ayaq/sendcomment.htm">
```

Ini pula adalah laman yang akan dipaparkan jika pengguna menekan butang hantar, gantikan nama tersebut dengan nama fail html yang berada di laman web anda

```
<input type="hidden" name="subject" value="My Comment">
```

Ini pula ialah tajuk e-mail yang akan dihantar kepada anda. Jika anda mempunyai beberapa borang di laman web anda, ia berguna untuk mengenal pasti e-mel tersebut dari borang yang mana. Gantikan nilai value kepada tajuk yang dikehendaki.

Pemetaan Imej.

Perihal Pemetaan Imej

Pemetaan imej adalah satu cara untuk mencanggihkan lagi hompej anda. Melalui pemetaan imej, apa yang anda lakukan ialah mendefinisikan satu kawasan kecil dalam satu imej grafik kepada satu jalinan. Cara ini merupakan salah satu cara yang agak susah sedikit, tetapi pulangnya lumayan.

Tetapi perlu diingatkan bahawa apabila anda menggunakan pemetaan imej untuk menu hompej anda, jika anda mahu menambah 2 atau 3 topik kemudiannya, maka anda perlu melukis imej lain dan mendefinisikan semula kawasan-kawasan yang dikehendaki. Berlainan jika anda menggunakan ikon-ikon atau **button** kerana jika anda mahu menambah 2 atau 3 topik lagi kemudian, maka anda hanya perlu menambahkan ikon-ikonnya sahaja.

Caranya

Sebelum kita mulakan, baik anda lihat apa itu pemetaan imej. Di bawah ini, terdapat imej yang telah **dipetakan**. Jika anda menggerakkan tetikus ke bahagian-bahagian tertentu di dalam imej ini, anda boleh dapati bahawa kursor tetikus itu akan berubah. Jika anda mengklik pada bahagian tersebut maka anda akan di bawa ke jalinan yang telah ditetapkan oleh pemetaan imej tersebut. Terdapat 2 jenis pemetaan imej

- Pemetaan berdasarkan pelayan
- Pemetaan berdasarkan pelanggan

Di dalam tutorial ini kita, hanya akan mengikuti cara-cara pemetaan imej berdasarkan sebelah pelanggan.

Pemetaan imej terdiri dari 2 bahagian, iaitu bahagian peta, dan bahagian imej.

- **Bahagian Imej**
Imej yang akan digunakan dalam pemetaan.
- **Bahagian Peta**
Bahagian dimana anda membahagikan kawasan imej kepada beberapa bahagian. Dan setiap bahagian akan mempunyai jalinannya sendiri.


Jika anda perhatikan imej di bawah, ia sebenarnya cuma satu imej. Dan jika anda klik pada sebelah kiri atau sebelah kanan imej tersebut. Anda akan melompat ke laman yang telah ditetapkan.

```

<head>
  <map name="petaimej">
    <area shape="rect" coords="37, 2, 73, 38"
      href="html2.htm">
    <area shape="rect" coords="2, 2, 35, 38"
      href="htmlidx.htm">
    <area shape="default" nohref>
  </map>
</head>

```

html13b.gif



map(petaimej)

Pada kebiasaannya peta untuk imej diletakkan antara tag `<head>..</head>`.

Jika anda perhatikan contoh kod di atas, tag `<map>...</map>` digunakan dan pada tag `<map>` itu dikenakan sifat **name** dan peta imej itu telah diberi nama "petaimej". Di antara tag `<map>...</map>` di letakkan tag `<area>`. Tag `<area>` ini akan menentukan kawasan-kawasan yang akan didefinisikan kepada **jalinan**. Terdapat beberapa sifat yang boleh dikenakan kepada tag `<area>` ini.

- **shape**
sifat shape ialah bentuk kepada kawasan tersebut terdapat 3 jenis bentuk yang boleh dikenalpasti iaitu
 - rect
 - circle
 - poly
 - default
 default bermaksud kawasan yang tidak didefinisikan oleh peta imej dan jika pengguna mengklik pada kawasan tersebut, maka ianya tidak memberi apa-apa kesan.
- **coords**
Koordinat kawasan yang terkandung olehnya. Nilai untuk sifat coords ini adalah dalam bentuk piksel. Perhatikan, bahawa cara penetapan kawasan ini bergantung kepada nilai **shape** di atas.
 - rect - x1,y1,x2,y2
 - circle - x1,y1,jejari
 - poly - x1,y1,x2,y2,x3,y3....
- **href**
Tempat yang akan dituju jika kawasan itu di klik.

Perhatian, bahawa tag `<area>` **tidak** mempunyai penutup `</area>`. Dan perlu juga diberitahu bahawa sifat **shape** "circle" dan "poly" tidak disokong oleh Browser Mosaic.

Jika petanya sudah dibuat maka, untuk mengkaitkan peta dengan imej, caranya begini.

```




```

Sifat usemap digunakan pada tag `` untuk mengkaitkan antara grafik dengan peta imej yang telah dibuat. Berdasarkan contoh di atas, nama yang telah diberi di peta imej iaitu "petaimej" digunakan pada tag ``.

Perisian khas

Oleh kerana cara untuk membuat




peta memakan masa yang lama dan ianya begitu kompleks, maka terdapat beberapa perisian di pasaran yang boleh digunakan untuk membuat peta imej dengan cepat. Antaranya ialah, **hotspot**(shareware), **webimage**(shareware) dan **mapedit**(shareware), anda boleh mendapatkannya di **www.download.com**. Perisian seperti ini membuat kod-kod koordinat yang kita perlukan di dalam pemetaan imej ini, jadi anda tidak perlu bersusah-payah mengira kedudukan piksel yang hendak dipetakan.

Warna.

Warna dalam html boleh dikelasifikasikan kepada 3 warna asas iaitu merah, hijau dan biru. warna-warna tersebut jika dicampurkan akan menghasilkan warna-warna yang lain. sistem nombor **perenambelasan** digunakan untuk mewakili warna-warna tersebut.

Sebagai contoh, untuk menjadikan teks halaman anda sebagai warna putih, maka nilai #FFFFFF dikenakan pada sifat **text**. 2 huruf pertama daripada 6 huruf di atas mewakili nilai warna merah, 2 huruf di tengah mewakili nilai warna hijau dan 2 huruf terakhir mewakili nilai warna biru.



kawasan-kawasan yang boleh diwarnakan ialah

- latarbelakang hompej
- teks
- jalinan
- jalinan yang telah dilawat
- latarbelakang jadual

- sempadan jadual
- fon

Disamping itu Netscape Navigator serta Internet Explorer telah menggunakan satu cara khas untuk penggunaan warna-warna. Anda tidak perlu menggunakan nombor-nombor untuk menentukan warna yang dikehendaki, sebaliknya nombor-nombor ini telah digantikan dengan perkataan untuk memudahkan anda.





















Tag-tag yang berkaitan

























tag	<body>
sifat	<ul style="list-style-type: none"> • bgcolor - untuk mewarnakan latarbelakang halaman anda • text - untuk mewarnakan semua teks. perhatian bahawa teks yang berada di lingkungan tag dan sifat color diaktifkan tidak dipengaruhi oleh sifat ini. • link - untuk menjadikan warna jalinan lain daripada yang telah ditetapkan oleh browser. • vlink - untuk menjadikan warna jalinan yang telah dilawat lain daripada yang telah ditetapkan oleh browser.
contoh	<body text="#000000" bgcolor="#FFFFFF" link="#0000FF" vlink="#800080">

































tag	<table>
sifat	<ul style="list-style-type: none"> • bgcolor - warna latar belakang jadual • bordercolor - warna untuk sempadan.
contoh	<table bgcolor="#800080" bordercolor="#FFFFFF">

































Senarai Warna.




















Laman ini mengandungi 140 nama warna yang boleh digunakan pada browser Netscape Navigator. Perhatian jika anda menggunakan penggantian perkataan ini, besar kemungkinan warna-warna yang anda mahu tidak terpapar jika pengunjung menggunakan browser bukan dari jenis Internet Explorer ataupun Netscape Navigator.

Nama	Warna
aliceblue #F0F8FF	
antiquewhite #FAEBD7	
*aqua #00FFFF	
aquamarine #7FFFD4	
azure #F0FFFF	
beige #F5F5DC	
bisque #FFE4C4	
*black #000000	
blanchedalmond #FFEBCD	
*blue #0000FF	
blueviolet #8A2BE2	
brown #A52A2A	
burlywood #DEB887	
cadetblue #5F9EA0	
chartreuse #7FFF00	
chocolate #D2691E	
coral #FF7F50	
cornflowerblue #4169E1	
cornsilk #FFF8DC	
crimson #DC143C	
cyan #00FFFF	
darkblue #00008B	
darkcyan #008B8B	
darkgoldenrod #B8860B	

darkgray #A9A9A9	
darkgreen #006400	
darkkhaki #BDB76B	
darkmagenta #8B008B	
darkolivegreen #556B2F	
darkorange #FF8C00	
darkorchid #9932CC	
darkred #8B0000	
darksalmon #E9967A	
darkseagreen #8FBC8F	
darkslateblue #483D8B	
darkslategray #2F4F4F	
darkturquoise #00CED1	
darkviolet #9400D3	
deeppink #FF1493	
deepskyblue #00BFFF	
dimgray #696969	
dodgerblue #1E90FF	
firebrick #B22222	
floralwhite #FFFAF0	
forestgreen #228B22	
*fuchsia #FF00FF	
ghostwhite #F8F8FF	
gainsboro #DCDCDC	
gold #FFD700	
goldenrod #DAA520	
*gray #808080	
*green #008000	
greenyellow #ADFF2F	
honeydew #F0FFF0	
hotpink #FF69B4	
indianred #CD5C5C	

indigo #4B0082	
ivory #FFFFFF0	
khaki #F0E68C	
lavender #E6E6FA	
lavenderblush #FFF0F5	
lawngreen #7CFC00	
lemonchiffon #FFFACD	
lightblue #ADD8E6	
lightcoral #F08080	
lightcyan #E0FFFF	
lightgoldenrodyellow #FAFAD2	
lightgreen #90EE90	
lightgrey #D3D3D3	
lightpink #FFB6C1	
lightsalmon #FFA07A	
lightseagreen #20B2AA	
lightskyblue #87CEFA	
lightslategray #778899	
lightsteelblue #B0C4DE	
lightyellow #FFFFE0	
*lime #00FF00	
limegreen #32CD32	
linen #FAF0E6	
magenta #FF00FF	
*maroon #800000	
mediumaquamarine #66CDAA	
mediumblue #0000CD	
mediumorchid #BA55D3	
mediumpurple #9370DB	
mediumseagreen #3CB371	
mediumslateblue #7B68EE	
mediumspringgreen #00FA9A	

mediumturquoise #48D1CC	
mediumvioletred #C71585	
midnightblue #191970	
mintcream #F5FFFA	
mistyrose #40E0D0	
moccasin #FFE4B5	
navajowhite #FFDEAD	
*navy #000080	
oldlace #FDF5E6	
*olive #808000	
olivedrab #6B8E23	
orange #FFA500	
orangered #FF4500	
orchid #DA70D6	
palegoldenrod #EEE8AA	
palegreen #98FB98	
paleturquoise #AFEEEE	
palevioletred #DB7093	
papayawhip #FFEFD5	
peachpuff #FFDAB9	
peru #CD853F	
pink #FFC0CB	
plum #DDA0DD	
powderblue #B0E0E6	
*purple #800080	
*red #FF0000	
rosybrown #BC8F8F	
saddlebrown #8B4513	
salmon #FA8072	
sandybrown #F4A460	
seagreen #2E8B57	
seashell #FFF5EE	

sienna #A0522D	
*silver #C0C0C0	
skyblue #87CEEB	
slateblue #6A5ACD	
slategray #708090	
snow #FFFAFA	
springgreen #00FF7F	
steelblue #4682B4	
tan #D2B48C	
*teal #008080	
thistle #D8BFD8	
tomato #FF6347	
turquoise #40E0D0	
violet #EE82EE	
wheat #F5DEB3	
*white #FFFFFF	
whitesmoke #F5F5F5	
*yellow #FFFF00	
yellowgreen #9ACD32	

Tip

Di dalam laman ini terkandung tip-tip yang anda boleh gunakan ketika dalam proses pembikinan laman anda.

Rekaan

- Gunakan tag-tag HTML yang boleh disokong oleh kebanyakan browser. Jangan **mengarah** pengunjung mengguna browser ini itu.

Pengunjung tentu terasa terkilan jika browser yang digunakan lain dari apa yang dikehendaki oleh laman anda, maka dia tidak akan mengunjungi hompej anda semula.

- Anda boleh membuat satu laman yang menerangkan pengunjung supaya pergi kepada laman-laman yang sesuai untuk browser mereka. Mereka pasti gembira kerana anda tidak mengetepikan mereka.
- Anda juga boleh menggunakan JAVAScript untuk mengenalpasti jenis browser yang pengunjung gunakan dan kemudiannya bawa pengunjung tersebut ke laman yang sesuai.
- Jangan semakkan laman anda dengan teks yang banyak. Terutama pada laman Utama anda, ini akan mengganggu tumpuan utama pengunjung. Berikan pengunjung ruang kosong untuk merehatkan mata.
- Untuk menggunakan teks, **jangan campurkan teks yang** berwarna-warni. Nampak tidak profesional. Cuba bayangkan surat khabar anda penuh dengan tulisan yang berwarna-warni
- Ketika anda membuat rekaan hompej, lukiskan rekaan anda pada satu kertas, kemudian lihat rekaan tersebut beberapa kali sehari dalam masa 4 atau 5 hari. Jika pada hari ke-5 anda masih merasakan rekaan anda itu sesuai, teruskan dengan rekaan tersebut.
- Jika anda menggunakan jadual, tetapkan sifat **width** pada tag **<table>** dengan nilai peratusan cth: 100%. Ini untuk membolehkan laman anda nampak kemas, walaupun menggunakan resolusi skrin yang berlainan.
- Jangan gunakan lagu-lagu di dalam laman anda. Walaupun menarik, kadangkala ianya menyakitkan hati pengunjung. Sebagai alternatif buatlah satu jalinan menyatakan, "sila klik disini untuk mendengar lagu". Jalinan tersebut bolehlah dirujuk kepada nama fail lagu.
- Jangan paksa pengunjung membuat sesuatu yang **tidak digemari** sebaliknya berikan **pilihan** kepada pengunjung.

- Letakkan **hadiah** buat pengunjung, seperti screensaver, wallpaper, icons dan lain-lain, kerana pengunjung akan melawat hompej anda untuk melihat samada anda menawarkan sesuatu yang baru.
- Jangan letakkan Java Applet yang terlalu besar, kerana ia akan mengambil masa yang lama untuk dimuat-turunkan, pengunjung yang tidak sabar, tidak akan melawat homepage anda.

Fail

- Untuk saiz fail yang ideal, anda seharusnya mempunyai laman yang tidak melebihi sebanyak 30 Kb. Ini **termasuk** saiz grafik yang digunakan oleh laman anda.
- Sebagai satu tabiat yang baik. Namakan kesemua fail-fail html ataupun fail imej anda dengan menggunakan huruf kecil. Jangan gunakan nama fail tersebut dengan campuran huruf besar dan kecil. Ini akan memeningkan kepala anda jika berlaku sesuatu nanti.
- Periksa jalinan-jalinan anda sebelum anda memuat-naikkan fail-fail anda.

Imej

- Perlu diingatkan bahawa imej-imej dalam laman anda mengambil masa untuk dimuat turunkan. Jika besar imej anda, maka lambatlah proses muat turunnya. Maka tiadalah sesiapa yang akan pergi melawat hompej anda.
- Gunakan grafik yang berulang-ulang, ini kerana pada komputer pengunjung terdapat satu ruangan yang dikhaskan oleh browser pengunjung untuk menyimpan data-data yang telah dibaca dari laman anda. Jika anda menggunakan grafik yang sama pada laman anda yang lain, maka browser tersebut akan mengambil data dari

ruangan tersebut tanpa memuat turun dari hompej anda semula. Proses ini adalah sangat cepat.

- Kecilkan imej anda. Anda tentu terperanjat jika saya katakan fail format GIF boleh dikecilkan lagi saiznya. Dengan penggunaan perisian-perisian tertentu seperti **WebImage** (boleh didapati di www.download.com), anda boleh mengurangkan warna yang digunakan pada imej tersebut tanpa menghilangkan sifat-sifat asal. Jika saiznya dikecilkan maka masa untuk proses muat turun juga akan dikecilkan.
- Letakkan sifat **width** dan **height** pada setiap imej anda. Ini untuk memberikan ruang kosong kepada kawasan imej jika pengunjung mematikan fungsi AutoLoad Image. Proses ini juga mempercepatkan paparan hompej anda.

Bingkai

- Jangan gunakan bingkai yang terlalu banyak. Ini akan menyempitkan lagi laman anda, dan pengguna terpaksa menggunakan "scrollbar" untuk melihat apa yang ada di bahagian bawah.
- Seelok-eloknya hadkan bingkai kepada 2 atau 3 pembahagian. Lebih dari itu akan membuatkan laman anda nampak **semak**.
- Jika kewujudan scrollbar pada bingkai anda membuatkan laman anda tidak kemas, (kerana ia menggunakan sedikit ruang), matikan fungsi tersebut.

Soalan Lazim.

- **Menetapkan posisi teks atau gambar**
- **Masalah-Masalah Bingkai**
- **Memasukkan lagu latar belakang**
- **Memasukkan 'chatbox'**
- **Cara untuk mengeluarkan window baru**
- **Mengeluarkan window baru (customized)**
- **Meletakkan skript java**
- **Metakkan applet java**
- **Menetapkan posisi gambar atau teks**
Untuk menetapkan posisi gambar atau teks anda boleh gunakan salah satu cara di bawah.
 - Gunakan tag `<center>...</center>`.
 - Kenakan sifat `align=left` atau `align=right` pada tag `<p>` atau tag ``
 - Gunakan jadual.
 - Gunakan tag `<div align=center>...</div>`. Semua objek di dalam sifat `<div align=xxxx>...</div>` akan ditetapkan mengikut sifat align yang telah ditetapkan.
 - Jika anda mahukan gambar/perkataan itu betul-betul di tengah-tengah skrin, anda boleh letakkan gambar tersebut di dalam jadual dan kenakan sifat `border=0` `height=100%` `width=100%` `align=center` `valign=center` pada tag `<table>`.
- **Lagu Latarbelakang**
Gunakan tag `<bgsound src="namafail.mid">`. Perhatian, tag ini **tidak** mempunyai menutup `</bgsound>` dan ianya hanya disokong oleh Internet Explorer sahaja. Untuk pengguna Netscape Navigator anda boleh letakkan tag `<embed src="namafail.mid"></embed>`.
- **Masalah-masalah imej**
Masalah-masalah yang berkaitan tentang imej telah dibincangkan di dalam Topik Imej
- **Masalah-masalah bingkai.**
Sila ke [jalinan](#) ini.

Lanjutan dalam HTML.

Kemana anda selepas ini?

Nampaknya anda sudah berjaya mengikuti tutorial ini. Jika anda sudah menguasai segala topik-topik yang telah diberikan maka anda bolehlah melangkah lebih jauh lagi dalam rekaan laman web ini.

Bahasa HTML Dinamik

Bahasa HTML Dinamik ialah Bahasa HTML versi 4.00 (CSS Cascading Style Sheet). Dengan penggunaan bahasa ini anda boleh melakukan sesuatu yang lebih baik iaitu anda boleh menetapkan format untuk paparan anda dengan menggunakan kod tertentu dan kemudiannya menggunakan corak format paparan itu pada semua laman anda. Ini akan mengurangkan masa untuk anda daripada membuat corak formatan pada setiap laman HTML anda.

Bahasa HTML versi 4.00 ini hanya disokong oleh Netscape Navigator 4.00 dan Internet Explorer 4.00. Jika anda menggunakan bahasa HTML versi 4.00, ini tidak bermakna laman anda tidak akan disokong oleh browser HTML yang tidak menyokong Bahasa HTML versi 4.00, cuma paparannya tidak sebaik yang diharapkan.

Jika anda menggabungkan penggunaan Cascading Style Sheet dengan JavaScript, anda boleh melakukan banyak perkara canggih untuk laman web anda.

Pendaftaran alamat tapak web

Setelah anda selesai membuat laman-laman HTML anda. Anda bolehlah mendaftar alamat tapak web anda di Yahoo, AltaVista dan lain-lain. Tetapi sebelum itu, anda perlulah meletakkan tag `<meta>` di antara `<head>....</head>`, sebagai contoh.

```
<html>
<head>
<meta name="description" content="Laman ini menerangkan tentang
Bahasa HTML">
<meta name="keywords" content="HTML, Tutorial, Bahasa, Melayu">
<title>laman tutorial HTML</title>
</head>
....
....
....
....
</html>
```

Tujuan tag meta ini diletakkan, kerana, ianya akan digunakan oleh enjin pencarian seperti Yahoo ataupun Altavista untuk dimasukkan kedalam pangkalan data mereka. Jika anda tidak memasukkan tag meta ini kemungkinan besar, pendaftaran anda tidak akan diterima.

Tag `<meta description>` digunakan tajuk laman anda di pangkalan data mereka, manakala tag `<meta keywords>` akan digunakan untuk menyenaraikan laman anda jika pengguna enjin pencarian menggunakan perkataan-perkataan yang anda letakkan dalam tag `<meta keywords>`.

Seperkara yang anda perlu ketahui, pendaftaran anda akan mengambil masa beberapa hari hingga beberapa bulan, sabar. Anda hanya perlu daftar **sekali sahaja**, jika anda mendaftar laman anda beberapa kali, kemungkinan besar mereka yang bertugas di enjin pencarian akan bengang dengan sikap anda dan sekaligus alamat tapak web anda **akan diharamkan sama sekali** berada di dalam pangkalan data mereka untuk selama-lamanya. Antara enjin pencari yang boleh anda gunakan :

- [Malaysian Sphere Search Engine](#) (!?!?!?)
- [Malaysian Cari Search Engine](#) (1 minggu)
- [Alta Vista](#) (4 hari)
- [Yahoo](#) (berbulan-bulan)
- [Excite](#) (4 hari)
- [Lycos](#) (4 hari)

Alamat web pendek

Oleh kerana geocities memberi anda alamat tapak web yang agak panjang. Besar kemungkinan anda akan mendapati bahawa amat leceh untuk menaip keseluruhan alamat tersebut. Oleh itu terdapat beberapa pelayan di Internet yang menawarkan alamat yang ringkas untuk tapak web anda (redirection server). Apabila anda menulis alamat yang ringkas ini, secara automatik, ia akan membawa pengunjung ke tapak web anda di Geocities. Sebagai contoh, untuk ke laman saya, anda tidak perlu menulis <http://www.geocities.com/SiliconValley/Vista/2459> tetapi memadai dengan hanya menulis <http://ular.cjb.net>. Contoh-contoh redirection server

- <http://www.cjb.net>
- <http://www.webalias.com>
- <http://www.come.to>

Contoh laman web

Cuba pergi ke jalinan-jalinan di bawah. Ia menunjukkan corak rekaan web yang menarik yang boleh anda gunakan dalam rekaan homepage anda.

- <http://www.softimage.com/>
- <http://www.highfive.com>
- <http://www.stim.com>
- <http://www.hotwired.com>
- <http://www.verso.com>
- <http://www.adj.com/killer/>

Penggunaan Java Applet.

Untuk menggunakan Java Applet, apa yang anda perlu ada ialah Java Applet itu sendiri. Java applet ini merupakan fail yang mempunyai akhiran .class. Java Applet ini boleh didapati di tapak web yang menawarkan JavaApplet. Biasanya jika anda mengambil Java Applet di sesebuah tapak web, anda akan dibekalkan dengan kod-kod html tertentu yang digunakan supaya Java Applet ini boleh berfungsi.


Pertama sekali anda masukkan kod-kod pemanggil Java Applet ke dalam laman anda. Kod-kod ini ada disertakan di lokasi di mana anda mendapatkan Java Applet tersebut. Sebagai contoh, kod-kod di bawah digunakan untuk memanggil Java Applet chat room saya. Pastikan juga nama tersebut sama dengan nama fail .class (sama dari segi huruf besar dan huruf kecil).

```
<applet code="ParaChat.class" width="600" height="350"
archive="pchat.zip">
  <param name="ServerName" value="parachat.webpage.com">
  <param name="ServerPort" value="7779">
  <param name="Channel" value="#joinforchat">
</applet>
```

Setelah anda memasukkan kod-kod pemanggil tersebut ke dalam laman html anda, anda muat-naikkan fail Java Applet ke direktori anda di Geocities.

Menguruskan laman-laman anda.

Sedar atau tidak, anda boleh membuat direktori-direktori pada akaun tapak web anda di Geocities. Untuk membuat direktori-direktori ini anda boleh menggunakan Geocities File-Manager. Soalnya bagaimanakah untuk menjalinankan laman-laman yang berada di direktori yang berlainan. Cara penggunaannya sama engan cara penggunaan direktori-direktori di komputer anda.



1. Untuk bergerak ke fail di dalam direktori yang sama. Contoh .

dari > ke	alamat
index.htm > album.htm	album.htm
index.htm > info.htm	info.htm

artikel1.htm > artikel2.htm	artikel2.htm
album1.htm > album2.htm	album2.htm
kelas.htm > family.htm	family.htm

2. Untuk bergerak ke fail di dalam direktori yang berlainan (makin ke dalam). Contoh, Anda letakkan nama folder dahulu, kemudian nama fail html anda. Lihat contoh-contoh di bawah.

dari > ke	alamat
index.htm > album1.htm	photo/album1.htm
index.htm > album2.htm	photo/album2.htm
index.htm > artikel1.htm	artikel/artikel1.htm
index.htm > artikel2.htm	artikel/artikel2.htm
index.htm > kelas.htm	photo/photo2/kelas.htm

3. Jika anda mahu bergerak dari dalam ke luar. Ini lebih rumit.

dari > ke	alamat
kelas.htm > index.htm	../index.htm
kelas.htm > album3.htm	../album3.htm
artikel4.htm > index.htm	../index.htm
kelas.htm > artikel4.htm	../artikel/artikel4.htm
album1.htm > artikel2.htm	../photo/album1.htm

kesimpulannya, ../ digunakan untuk bergerak selangkah ke luar. Diharapkan anda boleh faham dengan penjelasan yang saya berikan.

GuestBook.

Amat mudah untuk mempunyai buku tetamu di laman web anda. Caranya?

1. **Daftar** di salah satu tapak web yang memberikan perkhidmatan guestbook. Sebagai contoh, saya telah menggunakan perkhidmatan guestbook di www.dreambook.com. Andaikata anda telah mendaftar dan telah memilih kata login sebagai **mybook**.

Mereka akan memberi alamat untuk ke guestbook anda.

Contoh :

untuk ke laman untuk menandatangani
<http://books.dreambook.com/mybook/main.sign.html>

untuk ke laman untuk melihat tandatangan pengguna lain
<http://books.dreambook.com/mybook/main.html>

2. Buat satu jalinan di laman web anda untuk ke mukasurat laman web guestbook anda.
3. Selesai.

Untuk memilih guestbook yang elok. Pilihlah pembekal perkhidmatan guestbook yang membenarkan anda membuat perubahan ke atas guestbook anda mengikut kemahuan serta citarasa anda sendiri, seperti menukar warna, corak dan rupa laman web guestbook itu. Jumlah kemasukan juga amat penting, ini kerana ada perkhidmatan guestbook yang hanya menghadkan bilangan kemasukan kepada 40, 80 atau 100 pengunjung sahaja.